

فتيقن تيتاه

PETIKAN TITAH

"INSYA-Allah, kami orang-orang Brunei akan konsisten dengan sikap ini. Kami memilih Islam adalah sebagai langkah untuk menagih berkat dan rahmat daripada Allah, bukan untuk menganiaya atau menzalimi sesiapa." - Titah Sempena Sambutan Tahun Baru Hijriah 1435 pada 1 Muharam 1435 Hijriah bersamaan 4 November 2013 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"Dari Abu Hurairah Radiallahu Anhu, bahawa Rasullullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda: janganlah engkau menghina seorang jiran yang menghadiahkan kepada jirannya walaupun hanya dengan kuku kambing." - (Sabda Rasullullah Sallallahu Alaihi Wassalam).

TAHUN 58 / BILANGAN 150

9 DISEMBER 2013 / 6 صفر 1435

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

'Jambatan Persahabatan' Eratkan Hubungan Brunei - Malaysia

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

TEMBURONG, Ahad, 8 Disember. - Negara Brunei Darussalam dan Malaysia mencatat satu lagi sejarah penting ke arah mengukuhkan hubungan dua hala dengan terbinanya Jambatan Persahabatan antara kedua-dua buah negara yang menghubungkan Daerah Temburong dengan Negeri Sarawak, Malaysia.

Berkenan berangkat merasmikan jambatan berkenaan ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama dengan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak.

Menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan mengalu-alukan ketibaan YAB Perdana Menteri Malaysia di majlis perasmian jambatan di Kampong Ujong Jalan, Mukim Bangar itu ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar dan Menteri Kerja Raya Malaysia, Datuk Haji Fadillah bin Haji Yusof.

Juga berangkat bagi menyaksikan detik bersejarah ini ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Ke muka 12 & 13



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama dengan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak ketika menandatangani plak Perasmian Jambatan Persahabatan antara kedua-dua buah negara yang menghubungkan Daerah Temburong dengan Negeri Sarawak, Malaysia. - Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 12 dan 13).

Pencapaian PPNBD membanggakan

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan rasa bangga atas pencapaian dan jerih payah Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dalam persaingan dengan negara-negara yang sudah maju ke hadapan.

Sehubungan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam berharap PPNBD akan dapat mengekalkan tradisi itu sebagai satu sejarah untuk dirista kemudian.

"Di antara pencapaian yang membanggakan bagi Jambori Nasional Brunei Darussalam antaranya persekutuan ini telah dapat mendirikan bangunannya sendiri," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa berkenan berangkat bercemar duli ke Jambori Nasional Ke-4 di kawasan Pusat Latihan dan Kegiatan Pengakap Kebangsaan di Jalan Gadong, di sini.

Dengan adanya bangunan PPNBD, titah baginda, dapatlah persekutuan tersebut lebih menyerlah lagi sehingga ke peringkat antarabangsa.

Di samping itu, titah baginda, pencapaian lain ialah perkembangan mengadakan Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-21 pada tahun 2004.

Ke muka 6

TABUNG KEMANUSIAAN BENCANA ALAM FILIPINA

11 November 2013 - 10 Februari 2014

MENDERMALAH kepada Tabung Kemanusiaan Bencana Alam Filipina (TKBAF) melalui tabung-tabung yang disediakan atau terus kepada Urusetia TKBAF, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Kebangsaan.



Muka 7

MUSABAQAH Tilawatil Qur'an belia ke arah perpaduan ummah

Belia Islam perlu berpegang teguh ajaran Al-Qur'an

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Disember. - Generasi belia Islam kita semua dimahukan agar berjiwa lurus dalam tindak-tanduk mereka dengan berpegang teguh kepada inti pati ajaran Al-Qur'an.

Dengan yang demikian, rantau ini akan sentiasa bersatu padu dan bekerjasama dalam perkara-perkara berkebajikan bagi saling meraih keberkatan dalam kehidupan masing-masing.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda demikian pada Majlis Perasmian Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 1435H/2013M yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Ke muka 6

Kebawah DYMM alu-alukan cadangan penubuhan Persatuan Alumni Pelatih PKBN

Jadi platform untuk menabur jasa, bakti

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahiim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin Wa'alaa 'Alihie
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

BETA bersyukur dan gembira kerana dapat menyaksikan Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan Pertama pada pagi ini. Kepada para belia yang berjumlah seramai 125 orang, yang telah berjaya mengikuti program ini, beta sukacita mengucapkan syabas dan tahniah.

Untuk pembangunan yang berjaya dan kewajipan mempertahankan negara, kita sangatlah memerlukan rakyat, khususnya para belia yang berdisiplin. Golongan belia, tidak syak lagi, adalah pemimpin. Mereka inilah yang mencorakkan masa depan bangsa.

Ke arah itu, kita elok melihat kepada sebahagian negara di dunia, sama ada di Eropah mahupun di Asia dan Asia Tenggara yang telah sedia mempunyai program kebelaian mereka dalam bentuk Khidmat Bakti Negara atau seumpamanya. Program seperti ini turut membawa mereka mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi, walaupun setengahnya itu tidak mempunyai sumber asli dan bahkan tergolong sebagai negara yang cuma mempunyai pendapatan per kapita yang rendah.


Kerana itulah, beta dengan tidak ragu-ragu telah memperkenalkan supaya beberapa projek rintis Program Khidmat Bakti Negara diadakan, yang pada peringkat awalnya diterajui oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Program ini mempunyai *syllabus* latihannya yang bercakap kebruneian berasaskan konsep Melayu Islam Beraja. Ia dipanggil dengan sebutan pendeknya 'PKBN'. Program ini dihasratkan akan menjadi sebagai sebuah program pembangunan belia yang terulung, unik dan berkesan.

Beta telah pernah menekankan bahawa dalam melaksana program ini, perlulah dipastikan kurikulumnya, infrastruktur, kesesuaian jurulatih dan penyelia serta peralatannya. Semua itu biarlah yang terbaik, sempurna dan terjamin selamat.

Beta berharap selama tempoh tiga bulan menjalani latihan secara intensif para pelatih program ini akan menjadi warga yang baik dan berhemah tinggi.

Apabila pulang nanti ke pangkuan keluarga dan masyarakat, mereka akan mempamerkan sikap lebih matang untuk berbakti kepada masyarakat dan negara.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan Pertama, pada hari Isnin, 28 Muharam 1435 Hijriah bersamaan 2 Disember 2013 Masihi, bertempat di Padang Perbarisan Kem Latihan Perkampungan Sukan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Dunia hari ini memang penuh dengan pelbagai cabaran globalisasi. Para belia khususnya sentiasa berhadapan dengan bermacam-macam bentuk cubaan yang dicetuskan oleh kemajuan teknologi info-komunikasi. Apabila ia tidak ditangani dengan baik, bukan saja akan melalaikan malah juga boleh melemahkan para belia. Belia selaku aset negara janganlah terperangkap dengan perkara-perkara yang merugikan lebih-lebih lagi merugikan negara.

Berdasarkan kajian dikendalikan baru-baru Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam dan Pusat Pengkajian Dasar dan Strategik (CSPS), beberapa masalah sosial di kalangan belia dalam lingkungan umur antara 15 ke 26 tahun telah dikenal pasti. Di antara kategori masalah tersebut yang memerlukan perhatian serius ialah perlakuan ganas (*violence*), gangguan awam, ponteng sekolah, buli dan penderaan.

Walaupun masalah ini belum ditahap kritikal, tidak seperti yang telah dialami oleh sebahagian negara luar, namun ianya tetap membimbangkan, kerana sifat penyakit,

ia boleh melarat atau menjangkit pada bila-bila masa sahaja.

Negara, perlu ada pendekatan atau cara untuk membendungnya. Di antara cara itu ialah melalui Program Khidmat Bakti Negara yang telah diperkenalkan. Melalui PKBN ini kesedaran dan kefahaman akan dapat ditingkatkan di kalangan para ahli. Mereka akan menjadi tonggak harapan dan cita-cita kita bersama.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, program ini telah berupaya untuk membawa perubahan positif kepada para pelatih, sekalipun masa yang diperuntukkan untuk mempelajari banyak perkara adalah sangat pendek, cuma tiga bulan sahaja. Ini menunjukkan betapa para pelatih itu adalah mempunyai kesungguhan dan kemampuan untuk maju.

Menurut kaji selidik yang dibuat oleh Universiti Brunei Darussalam, lebih daripada 80 peratus para ibu bapa dan juga bekas pelatih telah melahirkan rasa puas hati mereka dengan hasil dari program ini. Para ibu bapa pada khususnya, ada yang menyatakan bahawa anak-anak mereka selepas tiga bulan mengikuti program ini, telah banyak yang berubah, seperti lebih hormat kepada orang tua dan lebih suka membantu orang lain.

Pada keseluruhannya, beta turut gembira mengetahui, bahawa program pembangunan belia ini telah mencapai sasarannya. Beta berharap dengan tertubuhnya sebuah pusat dan kem latihan PKBN di Batu Apoi, Daerah Temburong nanti, Insya Allah, akan dapatlah kita menerima lebih ramai lagi kemasukan para pelatih yang dianggarkan kira-kira 700 orang pada setiap satu pengambilan. Orang ramai, khususnya para ibu bapa dan belia diharapkan akan terus memberikan sambutan dan sokongan kuat lagi padu bagi memenuhi hasrat kerajaan beta untuk melahirkan belia-belia cemerlang, dinamik dan progresif, yang berbakti kepada raja, bangsa, ugama dan negara.

Di samping itu, beta juga ingin melihat bekas-bekas pelatih yang sekarang ini berjumlah hampir 500 orang, akan terus dapat memainkan peranan mereka di dalam masyarakat. Maka untuk itu, beta mengalu-alukan cadangan penubuhan sebuah Persatuan Alumni Pelatih PKBN yang akan menjadi platform bagi bekas pelatih untuk terus menabur jasa dan bakti.

Syabas sekali lagi beta ucapkan kepada para pelatih yang menamatkan latihan mereka pada pagi ini. Beta berharap, para pelatih akan memainkan peranan sebagai *role model* dan menjadi perangsang atan pembakar semangat kepada belia lain untuk menyertai program ini di sisi pengambilan akan datang.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

9 DISEMBER 2013 BERSAMAAN 1435 6 صفر

JAMBATAN PERSAHABATAN INSPIRASI RAKYAT BRUNEI, MALAYSIA

SYUKUR Alhamdulillah 'Projek Membina Jambatan Menyeberangi Sungai Pandaruan' yang menghubungkan Daerah Temburong, Negara Brunei Darussalam dan Sarawak, Malaysia buat kali pertamanya akan menerusi jalan darat yang bermula projek pembinaannya pada 15 Mei 2012 yang lalu dan dijangka siap dalam tempoh 15 bulan iaitu pada bulan Ogos 2013 tahun ini telah pun menuju puncak kejayaan pada tarikh keramat 8 Disember 2013 yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah menyempurnakan perasmian Jambatan Persahabatan antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Sejarah telah menempa, yang mana kedua-dua buah negara iaitu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia pada 16 April 2012 telah mengadakan Mesyuarat Kali Kelima (5) Joint Project Team (JPT), Sesi Menandatangani Surat Setuju Terima (SST) dan Terma-terma Rujukan (Terms of Reference-TOR) projek bagi Projek Membina Jambatan Menyeberangi Sungai Pandaruan, di Kuala Lumpur, Malaysia.

Merujuk kepada Satu Memorandum Persefahaman mengenai Penyelenggaraan Jambatan juga telah ditandatangani oleh kedua buah pihak dan beberapa orang pegawai-pegawai kanan daripada Jabatan Kerja Raya daripada pihak negara masing-masing yang dilantik menjadi Ahli kepada satu Jawatankuasa Pengurusan Jambatan di bawah JPT bagi memantau dan menyenggara projek sehingga pembinaan jambatan ini siap.

Sejurus itu, pada 7 September 2013 yang lalu delegasi Negara Brunei Darussalam dan delegasi Malaysia telah meneruskan siri perundingan projek pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Pandaruan dengan mengadakan Mesyuarat 'Joint Project Team' (JPT) Ke-8 di Kuala Lumpur, Malaysia. Sebelum Mesyuarat JPT Ke-8 diadakan, kedua-dua pihak telah mengadakan Mesyuarat 'Bridge Management Committee' (BMC) Ke-3 yang diadakan pada 6 September 2013. Antara perkara penting yang dicapai hasil kedua-dua mesyuarat tersebut ialah kedua-dua pihak perwakilan negara telah mendengar perkembangan projek pembinaan jambatan oleh pihak Malaysia dan perkembangan projek pembinaan jalan hala tuju yang dikendalikan di negara masing-masing yang mengahala ke jambatan tersebut.

Secara fizikal, pembinaan jambatan ini yang telah bermula sejak 15 Mei 2012 telah pun siap pembinaan infrastrukturnya pada 14 Ogos 2013 lalu dan kerja-kerja 'asphalt' pertemuan jambatan dan jalan hala tuju dicapai pada hujung Oktober 2013. Dalam pada itu, kedua-dua belah pihak juga membincangkan persediaan awal bagi majlis perasmian jambatan ini yang akan diselenggarakan dengan majlis penandatanganan 'Agreement Between The Government of Negara Brunei Darussalam and Malaysia Relating To The Management, Maintenance And Usage Of The Bridge Spanning The Pandaruan River'.

Setelah beroperasi jambatan ini, penduduk tempatan dan pengguna laluan berkenaan akan dapat menggunakan jambatan ini sebagai penghubung di kawasan tersebut yang pada masa ini menggunakan perkhidmatan feri penumpang dan kenderaan. Kedua-dua kerajaan berharap jambatan ini akan menjadi penghubung yang akan memudahkan cara dan melancarkan perjalanan di kawasan tersebut, khususnya penduduk tempatan dan pengguna lain amnya serta dapat memberi impak positif ke arah memajukan kawasan-kawasan terlibat.

Jambatan ini yang menggantikan perkhidmatan feri di Sungai Pandaruan yang selama ini menjadi perhentian terakhir jajaran jalan raya Pan Borneo, sekali gus menjadi pemangkin kepada pembangunan dan pertumbuhan antara dua negara; memudahkan sistem perhubungan kedua-dua buah negara; memudahkan hubungan jalan darat; melancarkan perjalanan pengunjung luar untuk datang kedua-dua buah negara berjiran; mengubah landskap pembangunan dan memacu ekonomi masyarakat setempat. Ini pastinya merancakkan lagi hubungan persaudaraan di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia yang dimeterai bermula dari inspirasi rakyat kedua-duanya.

- **Ketua Penyuntingan. (Tr)**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentyt Haji Arifin

Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Samle Haji Jait

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

Raman Cusca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
32 °C	24 °C	32 °C
MUARA		
32 °C	26 °C	32 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C	24 °C	31 °C
PEKAN TUTONG		
32 °C	24 °C	32 °C
PEKAN SERIA		
32 °C	24 °C	32 °C
KUALA BELAIT		
32 °C	24 °C	32 °C
Watu Hutan Binasawab		
32 °C	24 °C	32 °C

Sumber : Perkhidmatan Kaji Cusca Brunei Darussalam
Jabatan Penerangan Awam
Telefon : 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cusca : 114

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Mengukuhkan hubungan dua hala

Oleh :Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir, Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor. Majlis berlangsung di Cheradi Laila Kencana, Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ke Majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta kerabat diraja yang lain.

Menyertai rombongan Perdana Menteri Malaysia ialah Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Haji Aman dan isteri; Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi; Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Datuk Haji Fadillah bin Yusof; Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Yang Berhormat Dato' Hasan bin Malek dan isteri; Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud dan isteri; Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Panglima Musa bin Haji Aman; dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima mengadap Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak.

Yang Terutama Datuk Awang Sahak bin Awang Salleh serta pegawai-pegawai kanan dari Malaysia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam berkenan mengadakan perjumpaan empat mata dengan YAB Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor. Juga berangkat bersama anakanda-anakanda Baginda, kerabat di raja yang lain serta rombongan perwakilan daripada Malaysia.

Memorandum Persefahaman dimeterai



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar bertukar dokumen yang ditandatangani bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Yang Berhormat Datuk Hassan bin Malek.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 Disember.- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia memeterai penandatanganan 'Memorandum Persefahaman (MoU) di bidang Pembangunan Koperasi' yang berlangsung di Baitul Masyuarah, Istana Nurul Iman, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan

Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak bagi menyaksikan penandatanganan tersebut.

Menandatanganan dokumen tersebut bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri

Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, sementara Kerajaan Malaysia ditandatangani oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Yang Berhormat Datuk Hassan bin Malek.

Majlis tersebut diikuti dengan Majlis Penandatanganan 'Pengumuman Bersama Petroleum Brunei dan Petronas' yang ditandatangani oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi

Petroleum Brunei Sdn. Bhd., Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng, sementara Kerajaan Malaysia ditandatangani oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petronas, Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Shamsul Azhar Abbas.

Berangkat ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Sejurus selesai majlis penandatanganan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor berserta rombongan ke Majlis Santap Malam yang berlangsung di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ke Majlis Santap tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; serta kerabat diraja yang lain.

Keberangkatan ke Jambori Nasional PPNBD lakar sejarah

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat bercemar duli ke Jambori Nasional Ke-4 di kawasan Pusat Latihan dan Kegiatan Pengakap Kebangsaan di Jalan Gadong.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Dato Paduka Dr. Awang Haji Idris bin Haji Abas serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Jambori Nasional Ke-4.

Sejurus keberangkatan baginda, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan.

Bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Pemangku Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Keagamaan, Kebajikan dan Kemasyarakatan, Mohammad Arif bin Abdul Hadi diikuti dengan Persetiaan Pengakap yang diketuai oleh Mohd. Syahmi bin Halimshah.

Dalam sembah alu-aluan oleh Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Dr. Awang Haji Idris bin Haji Abas antara lain menyembahkan mengenai dengan tema jambori kali ini iaitu 'Pengakap Kitani, Masa Depan Kitani' selaras dengan konsep berpengakap di negara ini, yang mana PPNBD memfokuskan kepada pertumbuhan golongan belia atau individu ke arah kehidupan cemerlang.

Ke muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menganugerahkan pingat kepada Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Dato Paduka Dr. Awang Haji Idris bin Haji Abas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli ke Kawasan Perkhemahan Jambori Nasional Ke-4 di Lot-Lot Tanah Kerajaan, Beribi di sepanjang Jalan E-Kerajaan. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengurniakan pengistiharan Watikah Pelantikan Ketua Pengakap kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berlangsungnya Perkhemahan Jambori Nasional Ke-4.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima pesambah daripada Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Dr. Awang Haji Idris bin Haji Abas (kiri), sementara gambar tengah dan kanan baginda berkenan mendengar sembah taklimat dan penerangan daripada ahli-ahli pasukan pengakap dari dalam negara dan luar negara yang mengikuti Perkhemahan Jambori Nasional Ke-4.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat beramah mesra dan menjunjung ziarah ke Kawasan Perkhemahan Jambori Nasional Ke-4 di Lot-Lot Tanah Kerajaan, Beribi di sepanjang Jalan E-Kerajaan. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Dari muka 4

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah dan pengistiharan Watikah Pelantikan Ketua Pengakap kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Seterusnya, baginda dijunjung menyempurnakan Penganugerahan Bintang-Bintang Tertinggi Pengakap kepada Pemimpin-Pemimpin Pengakap iaitu Anugerah Bintang Rakis, Anugerah Bintang Jasa Cemerlang Kelas II - Perak dan Pingat Anugerah Persahabatan Antarabangsa Brunei.

Seramai 12 orang menerima Anugerah Bintang Rakis yang merupakan anugerah bintang kedua tertinggi dalam PPNBD kepada Ahli Persekutuan Pengakap, Pemimpin-Pemimpin Pengakap dan individu-individu yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang serta terlibat secara langsung dengan pergerakan pengakap di negara ini.

Sementara itu, seramai 16 orang menerima Anugerah Bintang Jasa Cemerlang Kelas II - Perak kepada Ketua-Ketua Pesuruhjaya Pengakap, individu-individu yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang serta terlibat secara langsung dengan pergerakan pengakap di negara ini dan di peringkat antarabangsa.

Manakala seramai 10 orang

menerima Pingat Anugerah Persahabatan Antarabangsa Brunei yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin pengakap luar negara yang memberikan perkhidmatan cemerlang dalam perhubungan persahabatan dengan PPNBD serta terlibat secara langsung dengan perkembangan pergerakan pengakap di negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung menerima pesambah.

Doa selamat dibacakan oleh Pemangku Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Keagamaan, Kebajikan dan Kemasyarakatan, Mohammad Arif bin Abdul Hadi.

Seterusnya, Kebawah DYMM dijunjung berangkat melawat Kawasan Perkhemahan, yang mana baginda berkenan beramah mesra dan menjunjung ziarah daripada para peserta.

Kesempatan beramah mesra dan menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah DYMM merupakan peluang keemasan yang ditunggu-tunggu oleh lebih 1,000 peserta jambori termasuk lebih 400 penyertaan dari kontinjen luar negara.

Jambori kali ini adalah bersempena Sambutan 80 Tahun Berpengakap di Negara Brunei Darussalam (1933-2013), antara lain bertujuan untuk meningkatkan dan menggalakkan lagi interaksi di kalangan pengakap baik di dalam mahupun di luar negara.

Sepanjang Jambori selama enam hari berlangsung, iaitu dari 3 Disember hingga 8 Disember, pelbagai aktiviti mencabar dan menarik disediakan untuk penyertaan para peserta, antaranya pengembaraan, lawatan dan jelajah Bandar Seri Begawan serta lembah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar bersama ahli-ahli pasukan daripada luar negara yang menyertai Jambori Nasional Ke-4.

cabaran termasuk aktiviti rekreasi.

Selain itu, aktiviti berkayak juga diadakan di Kompleks Sukan Air Serasa, Muara di samping kerja-kerja kemasyarakatan yang disertai oleh para peserta.

Jambori Nasional Pertama diadakan pada 14 hingga 20 Disember 1985, Jambori Nasional Kedua ialah pada 20 hingga 26 Ogos 1989 dan Jambori Nasional Jambori Ketiga ialah pada 26 April hingga 2 Mei 1999.

Keberangkatan Kebawah DYMM bercemar duli ke Jambori Nasional Ke-4 mencerminkan keprihatinan baginda terhadap penglibatan golongan muda dalam pasukan beruniform khususnya pergerakan berpengakap di negara ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima sembah taklimat dan penerangan mengenai akhbar berita harian Jambori yang dibuat oleh Ahli Jawatankuasa Media PPNBD.



YANG Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Dato Paduka Dr. Awang Haji Idris bin Haji Abas ketika menyampaikan kata-kata aluan pada majlis tersebut.



PARA peserta Ahli Persekutuan Pengakap dan Pemimpin-Pemimpin Pengakap serta Pengakap Tunas ketika membuat ikrar taat setia di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam sambutan Jambori bersempena Sambutan 80 Tahun Berpengakap di Negara Brunei Darussalam tersebut.



Belia Islam perlu berpegang teguh ajaran Al-Qur'an

Dari muka 1

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, sabda Duli Yang Teramat Mulia, dasar dan pendirian ini diperkukuhkan lagi dengan keputusan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Syari'ah bagi negara ini seperti yang dititahkan pada 27 Oktober lepas.

"Penguatkuasaannya adalah konsisten dengan peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, iaitu Islam sebagai agama rasmi negara," tegas sabdanya.

Ke arah itu, tambah sabda DYTM, golongan belia di negara ini haruslah tampil dan bersatu padu memberikan sokongan dan dukungan yang berterusan dalam melaksanakan perintah Allah serta hukum-hukum yang berpandukan Al-Qur'an dan As-Sunah.

DYTM seterusnya bersabda apa yang jelas adalah Undang-undang Jenayah Syari'ah ini akan menjamin keadilan serta kesejahteraan kepada segenap umat manusia berdasarkan keyakinan bahawa sesuatu yang datang dari Allah itu sememangnya adalah yang terbaik bagi kemaslahatan seluruh masyarakat yang bernaung di bawahnya.

Menyentuh mengenai penganjuran musabaqah, DYTM bersabda bahawa ini merupakan usaha berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memperkukuhkan dan memartabatkan pembacaan Al-Qur'an khususnya di kalangan belia rantau Asia Tenggara.

Di samping itu, sabda DYTM, musabaqah ini memberikan peluang kepada mereka untuk berinteraksi dalam suasana persaingan yang sihat demi meningkatkan semangat ukhuwah dan perpaduan serantau.

Sabda DYTM, melaluinya juga para belia dapat bercambah minda bertukar pengalaman dan kemahiran dalam pembacaan Al-Qur'an.

"Harapan kita bersama adalah semata-mata bagi memperkukuh serta memantapkan generasi belia Islam serantau supaya sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Al-Qur'an dalam menghadapi segala bentuk cabaran yang dibawa oleh arus pembangunan dan globalisasi semasa," sabda DYTM.

Menyentuh mengenai aspek kefahaman dan perpaduan serantau, DYTM juga amat mengalu-alukan penglibatan belia ASEAN dalam kerja-kerja sukarelawan, seperti Projek ASEAN Young Professional Volunteer Corps, iaitu inisiatif Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi kepada Sidang Kemuncak ASEAN 2013.

Penglibatan serta penyertaan belia dalam projek berkaitan setentunya akan dapat menyumbang kepada kelangsungan matlamat Komuniti ASEAN menjelang 2015.

Kerja amal seumpama ini, sabda DYTM, sangatlah dituntut dalam Islam untuk membantu masyarakat yang memerlukan.

Justeru itu sabda DYTM menyeru supaya golongan belia mengambil langkah-langkah bersepadu bagi meningkatkan kefahaman mengenainya, kerana hanya dengan sedemikian, mereka akan dapat menilai rahsia kemaslahatannya kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat yang berbilang bangsa dan agama.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan bersabda pada Majlis Perasmian Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 1435H / 2013M. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Pencapaian PPNBD membanggakan

Dari muka 1



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

Selain dari pencapaian-pencapaian berkenaan, PPNBD titah baginda juga mampu untuk memberikan khidmat bakti di peringkat kebangsaan dan malah juga di peringkat antarabangsa, terutama sekali di rantau Asia Pasifik secara berterusan.

"Di antara khidmat tersebut ialah turut menyumbangkan bantuan-bantuan berupa pakaian dan makanan kepada rakyat Bangladesh yang ditimpa bencana alam dalam tahun 1991 dan kepada mangsa Tsunami di Aceh, Indonesia pada tahun 2004," titah baginda.

Baru-baru ini pula, titah baginda, PPNBD telah melanjutkan usaha kebajikan dengan menghantar sendiri kewangan kepada mangsa Taufan Haiyan, Filipina melalui kerjasama 'Boy Scout of Philippine'.

Selain itu, baginda juga mengambil maklum bahawa PPNBD juga sering kali diundang oleh badan-badan antarabangsa, peringkat Asia Pasifik dan Pertubuhan Pergerakan Pengakap Sedunia pada menghadiri persidangan-persidangan kursus-kursus dan latihan-latihan mempertingkatkan ilmu di dalam bidang kepengakapan.

Menyentuh mengenai tema Jambori Nasional Ke-4 Brunei Darussalam iaitu 'Pengakap Kitani, Masa Depan Kitani', baginda bertitah, ia adalah satu kata-kata hikmat yang baik.

Dalam pada itu, baginda juga menyeru agar para pengakap memelihara identiti-identiti pengakap yang baik supaya dapat menjadi contoh kepada generasi muda.

Berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Puan Asma Ijaz, isteri Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Major General (R) Muhammad Ijaz Hussain Awan yang akan menamatkan perkhidmatannya di negara ini.

Oleh : Hajah Zabaidah Haji Salat
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Puan Asma Ijaz, isteri Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Major General (R) Muhammad Ijaz Hussain Awan yang akan menamatkan perkhidmatannya

di negara ini.

Majlis Mengadap tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

TYT Major General (R) Muhammad Ijaz Hussain Awan telah menyerahkan watak pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 26 Jun 2012.

Hadir sama dalam Majlis Mengadap tersebut ialah Datin Paduka Dayang Hajah Maimunah binti Dato Paduka Haji Elias.

Musabaqah Tilawatil Qur'an belia ke arah perpaduan ummah



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 1435H / 2013M di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



DULI Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 1435H / 2013M (atas). DYT dan YTM berkenan menerima junjung ziarah daripada mereka yang menghadiri majlis tersebut (bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 1435H/2013M.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 1435H/2013M.

Pada majlis itu, DYT berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya menyempurnakan perasmian Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 1435H/2013M.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Bacaan Surah Al Faatihah memulakan majlis yang dipimpin oleh Ketua Hakim Syar'ie, Yang

Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Acara kemudian diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 1435H/2013M.

Dalam sembah alu-aluannya, Yang Berhormat menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan DYT pada malam pertama musabaqah dilangsungkan.

Yang Berhormat seterusnya menyebarkan bahawa keberangkatan DYT di majlis tersebut mencerminkan keprihatinan DYT terhadap perkembangan syiar Islam khususnya pada mengangkat pembacaan dan penghayatan kitab suci Al-Qur'an di kalangan belia-belia Islam di negara-negara Asia Tenggara.

Tambah Yang Berhormat, sudah setentunya keberangkatan DYT juga akan memberikan semangat serta dorongan kepada qari dan qariah yang mewakili negara masing-masing di pertandingan pada tahun ini, di samping ianya akan menjadi satu ristaan sejarah dan kenangan manis kepada mereka.

"Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 1435H/2013M ini bertujuan untuk meningkatkan

dan mewujudkan jaringan kerjasama serta persefahaman dalam kalangan belia Asia Tenggara ke arah perpaduan ummah," jelas Yang Berhormat.

Oleh itu, tambahnya, adalah menjadi harapan agar musabaqah ini dijadikan sebagai landasan kepada para belia Asia Tenggara untuk merealisasikan hasrat tersebut dan seterusnya dalam mencapai matlamat Komuniti ASEAN.

Majlis kemudian diteruskan dengan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 1435H/2013M bagi malam pertama yang dimulakan dengan bacaan enam peserta iaitu dari negara tuan rumah, Republik Indonesia, Republik Filipina, Thailand dan Kemboja.

Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 1435H/2013M diadakan selama tiga malam berturut-turut bermula hari ini hingga Isnin 9 Disember 2013 di tempat yang sama.


Seramai 17 peserta dari sembilan buah negara rantau Asia Tenggara menyertai musabaqah pada kali ini dan tahun ini adalah merupakan kali keenam Negara Brunei Darussalam menganjurkan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara yang pertama kalinya adalah pada tahun 2000 yang dianjurkan setiap dua tahun sekali.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 1435H/2013M ketika menyebarkan kata-kata aluan pada majlis tersebut.



PARA peserta negara dan luar negara yang menyertai pertandingan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 1435H / 2013M.



Berangkat menyempurnakan Penutupan Rasmi Jambori Nasional Ke-4



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Penutup Rasmi Jambori Nasional Ke-4 di Kawasan Pusat Latihan dan Kegiatan Pengakap Kebangsaan di Jalan Gadong.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Penutup Rasmi Jambori Nasional Ke-4.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, hari ini berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Penutup Rasmi Jambori Nasional Ke-4 di Kawasan Pusat Latihan dan Kegiatan Pengakap Kebangsaan di Jalan Gadong.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah selaku Ketua Pengakap, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dijunjung oleh Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Dr. Awang Haji Idris bin Haji Abas dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Jambori Nasional Ke-4.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang dipimpin oleh Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Keagamaan, Kebajikan dan Kemasyarakatan, Awang Mohammad Arif bin Abdul Hadi.

Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali, selaku Kem Komandan Jambori Nasional Ke-4 Brunei Darussalam dalam sembah alu-aluan antara menyembahkan bahawa aktiviti yang dikendalikan sepanjang Jambori kali ini banyak memberikan faedah kepada para peserta melalui aktiviti yang dijalankan.

Ke muka 9



DYTM berkesempatan menyempurnakan siji dan cendera mata kepada Ketua Delegasi dan Pemimpin Pengakap dari dalam dan luar negara yang menyertai Jambori Nasional Ke-4.



DYTM berkesempatan menyempurnakan penyampaian Lencana Pengakap Sultan kepada para penerima (kiri, kanan)

Lawatan PM Malaysia kukuhkan hubungan dua hala

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Disember. - Perdana Menteri (PM) Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor tiba bagi memulakan lawatan ke negara ini.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei malam ini bagi mengulangi ketibaan Perdana Menteri Malaysia ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,



PERDANA Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor sejurus ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Yang Amat Berhormat dijadualkan akan merasmikan Jambatan Persahabatan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, Perdana Menteri Malaysia juga akan mengadakan perjumpaan empat mata dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Istana Nurul Iman, di samping menyaksikan penandatangan antara Syarikat Minyak Brunei Shell dan Petronas, Malaysia.

Terdahulu semasa ketibaan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Dato Paduka Haji Mohd. Noor bin Haji Jeludin selaku Ketua Protokol bersama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Datuk Awang Sahak bin Awang Salleh telah menjemput Yang Amat Berhormat dan Yang Amat Berbahagia turun dari pesawat khas.

Yang Amat Berhormat dan Yang Amat Berbahagia kemudian diperkenalkan kepada Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman selaku Menteri Pengiring dan isteri Datin Hajah Asmah binti



BERANGKAT ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berbahagia Datin ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Haji Abdul Rahman.

Yang Amat Berhormat dan Yang Amat Berbahagia juga diperkenalkan kepada Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri,

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (Bersara) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Sebelum menaiki kenderaan khas DYT dan YTM bersama dengan Yang Amat Berhormat dan Yang Amat Berbahagia telah melintasi kawalan statik terdiri dari anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Yang Amat Berhormat dan Yang Amat

Berbahagia serta rombongan menuju ke Empire Hotel and Country Club tempat kediaman sepanjang lawatan ke negara ini.

Hadir sama ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Setiausaha - Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah selaku Ketua Pengakap, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dijunjung oleh Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Dr. Awang Haji Idris bin Haji Abas bagi menikmati santap.

Dari muka 8

Selain memperkembangkan minda, ia juga memberi pengetahuan tentang kepimpinannya dapat membina keyakinan diri para peserta.

Pada majlis tersebut, DYT berkenan menyempurnakan penyampaian Lencana Pengakap Sultan kepada 20 orang penerima iaitu merupakan anugerah yang paling tinggi diberikan kepada ahli-ahli dalam bahagian pengakap remaja.

Para penerima Lencana Pengakap Sultan adalah mereka yang layak dan diiktiraf oleh PPNBD setelah lulus kursus menjalani beberapa ujian antaranya ialah Kursus Kepimpinan Pengakap Remaja, Kursus Pertolongan Kecemasan serta membuat perkhidmatan kemasyarakatan melebihi masa 48 jam.

Seterusnya, DYT juga berkenan menyempurnakan sijil dan cendera mata kepada 23 Ketua Delegasi dan Pemimpin Pengakap dari dalam dan luar negara yang menyertai Jambori kali ini.

Jambori Nasional Ke-4 yang diadakan selama enam hari telah disertai oleh lebih 600 orang pengakap negara dan 413 orang pengakap dari negara-negara ASEAN dan Asia-Pasifik yang terdiri dari Pengakap Tunas, Pengakap Muda, Pengakap Remaja dan Pengakap Kelana.

Doa selamat sekali lagi dibacakan oleh Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Keugamaan, Kebajikan dan Kemasyarakatan, Awang Mohammad Arif bin Abdul Hadi.

Dengan berakhirnya Jambori pada hari ini telah melakar sejarah bagi PPNBD apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Penaung PPNBD berkenan mengurniakan Watikah Pengisytiharan Pelantikan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah selaku Ketua Pengakap PPNBD.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Penutup Rasmi Jambori Nasional Ke-4. Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



KETUA Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali selaku Kem Komandan Jambori Nasional Ke-4 Brunei Darussalam dalam sembah alu-aluan antara menyebarkan bahawa aktiviti yang dikendalikan sepanjang Jambori kali ini banyak memberikan faedah kepada para peserta melalui aktiviti yang dijalankan.



PASUKAN Kadet Remaja Sekolah dari Wilayah Persekutuan Labuan yang menyertai Jambori Nasional Ke-4.



سرولك سوتي

بيلا هديه منجادي رشوه

حاکم ۲ سقاي کامو دافه مغمبيل سبهاکين درقد هرت اورغ دغن جارا بربوات دوسا، قد حال کامو مقتهوي ساهن.

قمبرين هديه يغ برأونسورکن رشوه بياسن دکليتن دغن قمبرين کفد فکاوي يغ مقوي کواس. سي قمبري هديه مغهارفکن دغن هديه يغ دبري بوله ممتن مندافتکن فرتولوغن يغ دهارفکن دري فکاوي ترسيوت. فکاوي يغ بياس منريما هديه قول مراسکن بهوا اي فرتولوغ سي قمبري هديه کران سلالو منريما هديه درقدان دان راس ترهوتغ بودي. فربواتن اين اداله ساله دري سکي أوندغ ۲ کران جک فکاوي ايت منريما هديه سباکي دوروغن اتو کنجارن والوفون هديه ترسيوت دري صحابه اتو سودارا مارا، مک دي تله ملاکوکن کساهن دباوه اکتا فنجهکن رشوه فغکل 131.

سلاين ايت ورکا فرخدماتن عوام دسرو اگر تيدق منريما هديه دري اورغیغ دکتهوي مقوي کواس أوروسن رسمي کران فربواتن رشوه بوله برلاکو تنقا دسداری.

لاراغن اين برسسواين دغن آجارن اسلام دمان رسول الله صلى الله عليه وسلم قرنه مغوتوس ابن الأئمة (IBNU UTBIAH) کفد ساتو قبيله اتوق مغوتيف زکاة. ستله بلباو قولغ، ابن الأئمة فون مبرهکن حاصل کوتيفن زکاة کفد رسول الله صلى الله عليه وسلم، سدغکن اد سبهاکين لاکي تيدق دسرهکن کران اي اداله هديه فريادي يغ دبريکن اوله قبيله ايت کفدان. ابن الأئمة برکات: " اين بهاکين کامو دان اين اف يغ دهديهکن کفد کو. مندغر أوجافن ايت رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

مقصودن:

مغاف کامو تيدق تیغکل درومه برسام أیه دان إيو کامو مننتیکن هديه ايت سمقي کفد کامو، سکيران کامو ميمغ بنر اورغ يغ جوجور.

خليفه عمر بن عبدالعزيز جوك قرنه دبري هديه تنافي دتولقن. کمدين دکاتکن کفدان بهوا رسول الله صلى الله عليه وسلم سنديري قرنه منريما هديه. مندغر اين، عمر منجواب بهوا اف يغ دترما اوله رسول الله صلى الله عليه وسلم اداله هديه تنافي هديه يغ دبريکن کفد خليفه عمر بن عبدالعزيز ايت اداله سوکوقن. { رواه الإمام البخاری }

ماري کيت رنوغ اکن کدوا ۲ قيصه اين دمان جک ابن الأئمة دان عمر عبدالعزيز تيدق ممکغ جواتن مريک، افکه مريک اکن دبريکن هديه؟ تایکن سوالن يغ سام کفد ديري کيت سنديري اداکه کيت اکن دبريکن هديه أنداي کيت تيدق ممکغ جواتن کيت سکارغ اين؟

برسمقنا دغن هاري أني رشوه أتابقسا قد ۹ دسيمير اين، اداله تقة باکي کيت سموا مبادري تنغ بهيا رشوه کران رشوه ايت بوله منجسکن ليمج نکارا دان إيتکريتي فرخدماتن عوام. رشوه جوك بوله مقعيتکن سيکف ممتيغکن ديري سنديري دان منجسکن کعاديلن.

باکي سسورغ يغ ترليت دالم کنجلا رشوه، فربواتن ايت بوله مروسقکن ليمجن سنديري سرت کلوارکن، سلاين درقد منريما حکومن سقرت دقنچارا دان دبواغ کرج.

أوله ايت سام ۲له کيت مقهيندرکن ديري دري ترليت دغن رشوه. کيت جوك هندقله سنتياس برسقادا دالم منريما سسوات هديه، کران دتاکوتي تنقا کيت سداری هديه ترسيوت مقندوغی أنسور رشوه. مدهمداهن کيت سموا مندافه رحمة، توفيق دان هدايه دري الله سبحانه وتعالى سرت دجاوهکن دري کمورکان دان لعنة الله سبحانه وتعالى. آمين يا رب العالمين. تقسيرن:

واهي اورغ ۲ يغ برلمان! جاغلنه کامو مقهيناتي الله دان رسولن، دان جاغلنه کامو مقهيناتي أمانه ۲ يغ دأمانهکن کفد کامو، سدغ کامو مقتهوي.

ماريله کيت منيغکنکن کتقوان کيت کفد الله سبحانه وتعالى دغن فنه کيقينن دان کإخلاصن دغن ملاکوکن سکل سوروهتن دان منيغکنکن سکل لاراغن. مدهمداهن کيت منجادي إنسان يغ برتقوی دان برلمان سرت سلامة ددنبا دان سلامة دآخرة.

دالم کهدوقن کيت برمشاركة، اداله منجادي کيباسان أنتوق کيت ساليغ بنتو ممتن أتابرا ساتو سام لاین تنقا مغيرا بغسا دان اکام. عمالن بنتو ممتن اين مروفانن ساله ساتو جارا باکي مغيرتن هوبوغن صلة الرحم. اسلام سنديري مغلککن أومتن أنتوق ملاکوکن اف جوا کيباکن سماء فرتولوغن ترسيوت بروفا هديه، صدقه، هيبه، وقف دان سباکين. اف يغ قالیغ أوتام منوروت آجارن اسلام إباله قمبرين يغ دلاکوکن ايت هندقله إخلاص کران الله سبحانه وتعالى سمات ۲ تيدق کيرا سماء قمبرين ايت کجيل اتو بسر، سديکيت اتو بايق، موره اتو ماهرل، سباکيمان سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم دالم سبواه حديث: مقصودن:

دري أبو هريرة رضی الله عنه، بهوا رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا: جاغلنه أغکو مقهينا سبورغ جيران يغ مقهديهکن کفد جيران والوفون هان دغن کوکو کميغ. { رواه الإمام مسلم }

هديه إباله سوات قمبرين يغ دبريکن تنقا مغهارفکن بالسن. اي دبريکن سباکي تندأ فغهرکان، تندأ إیغاتن دان مغيرتن إیکاتن صلة الرحم سرت کاسيه سايغ أتابرا ساتو دغن يغ لاین سقرت هاري جادي اتو لولوس ففريقسان.

والوباکیمانقون، تردافه سکليتن اورغیغ مبالهکوناکن قمبرين هديه اتوق ملاکوکن جنايه رشوه. سي قمبري هديه مبري هديه اتوق منجاي اف يغ مريک حاجتي اتو إیغين. دغن مبري هديه، مريک مغهارفکن اگر يغ منريما هديه اکن ممتن مريک دالم مندافتکن اف يغ مريک إیغينکن. فينديق کات، مريک مبري هديه دغن توجوان اتوق مندافه بالسن سقرت فرتولوغن دري سي فترما هديه. باکي يغ سريغ منريما هديه، مريک اکن راس ترهوتغ بودي اتو ترايکه دغن سي قمبري هديه دان اکن تيمبول راس أنتوق مبري فرتولوغن يغ تيدق سقاتوتن دبريکن کران مريک راس ترايکه دغن کبايکن سي قمبري هديه يغ سلالو مبري هديه.

دسينيله جنايه رشوه بوله برلاکو. والوفون قمبرين اتو فربغان هديه اداله لازم منجادي سوات کيباسان اتو عمالن دالم مشاركة کيت، نامون هديه ايت بوله منجادي رشوه. فرکارا ترسيوت اداله منجادي کساهن دباوه اکتا فنجهکن رشوه فغکل ۱۳۱ جک اي دبريکن اتو دترما دغن سجارا تيدق جوجور يايث سباکي دوروغن اتو کنجارن اتوق ملاکوکن اتو تيدق ملاکوکن سسوات فربواتن برهوبوغ دغن حال ۲ اتو أوروسن اورغ أتنسن.

حکومن باکي کساهن اين اداله دنأ تیک فولوه ريو ريغکيت دان فنچارا توجه تاهون. إیغين جوك دتکنکن بهوا ألاسن عادة اتو کيباسان دالم مبري اتو منريما هديه تيدق اکن دترما سباکي قميبلان ديري جک تردافه بوقتي منجوقکن بهوا هديه يغ دبريکن اتودترما ايت برأونسورکن رشوه.

أوندغ ۲ تله منتقن بهوا رشوه إباله ساتو جنايه يغ مسني دبندوغ دان فارا فلاکوٹ يايث قمبري دان فترما رشوه اکن دحکوم. اسلام جوك تله منتقن بهوا فربواتن رشوه اداله حرام حکومن دان بردوسا بسر. بهکن الله سبحانه وتعالى ملعنة قمبري دان فترما رشوه. دالم سورة البقرة أیه ۱۸۸، الله سبحانه وتعالى تله برفرمان يغ ملارغ همبان دري ملاکوکن رشوه. تقسيرن:

دان جاغلنه کامو ماکن هرت اورغلان دنأتابرا کامو دغن جالن يغ باطل، دان جاغلنه کامو مقهولورکن هرت کامو (مبري رشوه) کفد

MAJLIS-MAJLIS Konvokesyen yang acap kali berlangsung anjuran institusi-institusi tinggi ataupun sekolah-sekolah tadika pada penghujung November dan awal Disember baru-baru ini tentunya memberikan seribu makna kepada seluruh penerima dan tidak terkecuali ibu bapa mereka.

Dengan menyertai majlis konvokesyen itu bermakna ia adalah satu kejayaan dan pengiktirafan membanggakan dalam bidang pelajaran atas usaha dan komitmen sepanjang pengajian dan merupakan pembukaan kepada satu langkah baru kepada peringkat seterusnya.

Negara Brunei Darussalam telah menempa sejarah dalam bidang pendidikan agama bila mana pada 5 Disember yang lalu, Siswa-Siswi Diploma 'Aliyah Qiraat Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) sesi pengajian 2010-2013 telah menerima Diploma masing-masing pada majlis Haflut Takharuj atau Majlis Konvokesyen Kali Pertama bagi institusi tersebut. Ini tentunya lebih bermakna kepada para penerima kerana diploma ini turut diiktiraf oleh Universiti Al-Azhar Mesir.

Diploma Aliyah Qira'at adalah program Diploma Kebangsaan tiga tahun yang menghasilkan individu yang bukan sahaja dapat menghafal 30 Juzuk Al-Qur'an tetapi juga mendapat pengetahuan yang mendalam mengenai Al-Qur'an dan Qira'at, di samping belajar mata pelajaran Pengajian Islam, Arab dan lain-lain. Objektif program diploma ini antara lain untuk melahirkan lebih ramai lagi modal insan yang berkemahiran tinggi dalam bidang yang berkaitan dengan Al-Qur'an khususnya bidang-bidang Qiraat, di samping menyediakan platform bagi mereka yang berminat untuk mendalami bidang Al-Qur'an tanpa perlu ke luar negara.

Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis Haflut Takharuj itu menjelaskan, baginda terus membina azam untuk apa jua perkara atau peristiwa yang berkaitan dengan Al-Qur'an, sewajarnya ia dibesarkan. Menurut baginda, itulah signifikannya majlis Haflut Takharuj dan pengurniaan ijazah khas kepada para huffaz.

Selain itu bagi para huffaz yang telah diiktiraf lulus atau berjaya menghafaz 30 juzu' Al-Qur'an, yang telah ditasmie' oleh Lembaga Tasmie' Majlis Ugama Islam, untuk mereka ini dianugerahi ijazah, baginda cenderung menamakannya sebagai Ijazah Khas Hafaz Al-Qur'an 30 Juzu.

Penganugerahan Ijazah Khas ini sangatlah wajar dilakukan titah baginda, kerana bukan mudah untuk menghafaz 30 juzu' Al-Qur'an, berbanding setakat menamatkan pengajian biasa di universiti. Selaku sifatnya ijazah, pada hemat baginda, ia perlulah diberikan nilai, bukan setakat nilai akademik malahan juga nilai ekonomi yang selayaknya.

Salah seorang graduan yang ditemui, Awang Muhammad Azim bin Awang Haji Ali melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmatnya jua, beliau menjadi salah seorang penghafaz Al-Qur'an yang berkelulusan ijazah Sarjana Muda Al-Qur'an Wal Qiraat.

"Saya sendiri tidak menyangka akan pencapaian ini. Semua ini adalah berkat doa dan dorongan ibu bapa serta minat saya untuk menghafaz

Al Qur'an dari kecil. Semoga ianya akan menjadi istiqamah untuk dirinya di dalam menempuh proses penghafalan Al-Qur'an, sememangnya sangat banyak ujiannya. Antara kunci berkesan untuk mengatasinya ialah doa dan kesungguhan yang tidak putus-putus. Hafalan Al-Qur'an bukanlah berhenti setakat ini sahaja, tetapi ianya mestilah diamalkan sampai bila-bila, insya-Allah," jelasnya lagi.

Acara yang julung-julung kali diadakan ini merupakan satu penghormatan bagi ITQSHHB, lebih-lebih lagi ia disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang merupakan pemimpin negara kita yang berkah ini. Akhir sekali semoga ITQSHHB akan melahirkan lebih ramai lagi huffaz yang berkualiti



Awang Muhammad Azim bin Awang Haji Ali bersyukur dengan pencapaian yang diperolehinya.

ITQSHHB tempa sejarah

Oleh:
Pg. Hajah Fatimah Pg Haji Md. Noor dan Norliah binti Md. Zain
Foto: Jabatan Penerangan.

dunia wal aakhirah.

MARTABATKAN AL-QUR'AN

Di sinilah menunjukkan betapa raja kitani amat komited dalam memartabatkan Al-Qur'an bahkan tidak kendur-kendur memasukkannya di dalam kurikulum sekolah di negara ini. Kesabaran dan disiplin diri yang tinggi yang dihadapi oleh para pelajar ini tentunya berbaloi bukan sahaja kepada mereka bahkan juga kepada negara dan agama.

Kejayaan para pelajar ini menunjukkan bahawa negara kita bukan sahaja rancak dalam menghasilkan graduan berpendidikan sekular malahan kita juga tidak ketinggalan dalam menghasilkan graduan yang celik Al-Qur'an dan pengajian agama.

HARI BERMAKNA

Sebagai kenang-kenangan, lazim-



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengurniakan penganugerahan syahadah atau sijil Diploma 'Aliyah Qira'at kepada seorang graduan.

nya para penerima tidak melepaskan peluang untuk mengambil gambar memakai jubah konvokesyen masing-masing. Di samping itu ia juga dapat memberikan peluang rezeki kepada pemborong yang berjaya untuk merakamkan gambar penerimaan sijil di atas pentas.

Apa yang penting, kejayaan memegang ijazah atau sijil-sijil itu tentunya hadiah paling berharga daripada anak kepada ibu bapa atau penjaga mereka. Ibu bapa atau penjaga adalah orang yang banyak berkorban dan bertanggungjawab dalam membiayai pembelajaran anak-anak mereka. Tambah bermakna lagi jika anak-anak beroleh anugerah pencapaian tertinggi dalam bidang

masing-masing.

Dengan banyaknya majlis-majlis konvokesyen seperti itu tentunya ia membuktikan negara sedang menuju Wawasan Brunei 2035 iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Bagi graduan institusi tinggi, pembelajaran sepanjang hayat perlu terus diamalkan dan janganlah ia hanya terhenti setakat untuk menerima ijazah sahaja.

Bagi anak-anak yang melangkah ke peringkat sekolah rendah dan menengah pula, cuti hujung tahun ini bolehlah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya antaranya dengan meneliti buku-buku pelajaran yang bakal dipelajari tahun hadapan.

Diploma Aliyah Qira'at adalah program Diploma Kebangsaan tiga tahun yang menghasilkan individu yang bukan sahaja dapat menghafal 30 Juzuk Al-Qur'an tetapi juga mendapat pengetahuan yang mendalam mengenai Al-Quran dan Qira'at di samping belajar mata pelajaran Pengajian Islam, Arab dan lain-lain.



GAMBAR HIASAN...PARA siswa dan siswi Diploma 'Aliyah Qiraat Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bagi Sesi Pengajian 2013-2016 semasa membaca ikrar pada Majlis Ta'arruf yang berlangsung di Dewan Kuliah institut berkenaan pada 20 Julai 2013.

'Jambatan Persahabatan' : Eratkan Hubungan Brunei - Malaysia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat merasmikan Jambatan Persahabatan antara kedua-dua buah negara yang menghubungkan Daerah Temburong dengan Negeri Sarawak, Malaysia (atas). Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama dengan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak bersalaman pada majlis perasmian Jambatan Persahabatan tersebut (kanan atas), sementara gambar kanan Kebawah DYMM bersama YAB, Perdana Menteri Malaysia menadahkan tangan ketika doa selamat dibacakan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama dengan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak ketika merentasi menggunakan kenderaan di sepanjang Jambatan Persahabatan antara kedua-dua buah negara yang menghubungkan Daerah Temburong dengan Negeri Sarawak, Malaysia (kiri - foto : Ihsan BT), sementara gambar kanan baginda menerima sembah taklimat dan penerangan daripada kedua-dua wakil kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia serta diiringi bersama YAB, Perdana Menteri Malaysia.



TETAMU-TETAMU yang terdiri daripada Menteri-Menteri daripada kedua-dua buah negara yang menghadiri upacara perasmian Jambatan Persahabatan antara kedua-dua buah negara yang menghubungkan Daerah Temburong dengan Negeri Sarawak, Malaysia.



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika membacakan doa selamat bagi memberkati majlis tersebut.



SUASANA Infrastruktur... Jambatan Persahabatan antara kedua-dua buah negara yang menghubungkan Daerah Temburong dengan Negeri Sarawak, Malaysia yang dianggarkan menelan belanja sebanyak BND9 juta atau kira-kira RM21 juta yang dibiayai secara sama rata oleh kedua-dua buah negara, manakala kos jalan hala tuju ke Jambatan Persahabatan adalah di bawah tanggungan negara masing-masing.

Dari muka 1

Majlis perasmian jambatan berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Setelah itu Kebawah DYMM dijunjung dan YAB dijemput untuk menandatangani plak Perasmian Jambatan Persahabatan di Antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia dan seterusnya memotong riben bagi menandakan penggunaan jambatan berkenaan.

Sejurus selepas itu, Baginda dijunjung dan YAB dijemput untuk menyaksikan lintasan lalu kenderaan-kenderaan yang melalui jambatan penuh bersejarah yang mana para penumpang kenderaan dengan penuh riang mengibarkan bendera kebangsaan kedua-dua negara.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah DYMM seterusnya dijunjung berangkat dan YAB dijemput untuk menyaksikan Pameran Pembinaan Jambatan Persahabatan di Antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia dan kemudiannya melintas berjalan kaki di atas jambatan persahabatan tersebut sebelum berkenan bagi majlis Santap Tengah Hari bersama YAB Perdana Menteri Malaysia.

Pembinaan Jambatan Persahabatan ini bermula sejak 15 Mei 2012 dan dianggarkan menelan belanja sebanyak BND9 juta atau kira-kira RM21 juta yang dibiayai secara sama rata oleh kedua-dua negara manakala kos jalan hala tuju ke Jambatan Persahabatan adalah di bawah tanggungan negara masing-masing.

Pembinaan infrastrukturnya telah pun siap sepenuhnya pada penghujung bulan November 2013 yang berukuran 189 meter panjang dan 14 meter lebar.

Dengan selesainya pembinaan jambatan yang dinanti-nantikan itu, rakyat dan penduduk kedua-dua negara dan para pengguna secara amnya akan dapat menggunakan jambatan berkenaan sebagai penghubung melalui jalan raya bagi kenderaan yang sedia ada di kawasan tersebut.

Di samping, itu dengan terbinanya jambatan berkenaan, jalan lintas batas para pengguna jalan raya menjadi lebih mudah tanpa menggunakan perkhidmatan feri penumpang dan kenderaan selain diharap boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan sosio-ekonomi penduduk di kawasan sekitarnya dan meningkatkan perdagangan rentas sempadan.



MENADAHKAN DOA... Baginda ketika berkenan berangkat merasmikan Jambatan Persahabatan antara kedua-dua buah negara yang menghubungkan Daerah Temburong dengan Negeri Sarawak, Malaysia yang juga dihadiri bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak. Juga berangkat bagi menyaksikan detik bersejarah ini ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.



BAGINDA dan Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd Najib ketika merasmikan dan memotong reben perasmian Jambatan Persahabatan antara kedua-dua buah negara yang menghubungkan Daerah Temburong dengan Negeri Sarawak, Malaysia (kiri). Sementara gambar kanan baginda dan YAB sejurus melancarkan perasmian tersebut menyaksikan beberapa kenderaan melalui Jambatan Persahabatan tersebut.



BAGINDA dan YAB, Perdana Menteri Malaysia ketika menghadiri majlis Santap Tengah Hari. Turut berangkat bersama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah serta para menteri-menteri kedua-dua buah negara.

Konvensyen fokuskan keutamaan Penjagaan gigi

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Ahad, 24 November. - Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Persekutuan Pergigian Dunia FDI mengendalikan Konvensyen Pergigian dan Pameran Perdagangan Pergigian, Persekutuan Pergigian Antarabangsa / Kementerian Kesihatan Ke-6 dengan tema 'Kemajuan Dalam Bidang Pergigian' yang diadakan di The Empire Hotel and Country Club, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof yang juga menyempurnakan perasmian konvensyen tersebut.

Konvensyen disertai oleh lebih 200 peserta daripada profesi pergigian yang terdiri daripada pakar pergigian, pegawai-pegawai kanan, ahli-ahli terapi dan jururawat-jururawat

pergigian dari Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan dan beberapa pegawai daripada klinik pergigian swasta di negara ini.

Enam pembentang dari Australia, Hong Kong, Republik Singapura, Malaysia dan Republik Indonesia akan membentangkan kertas kerja mengenai pelbagai aspek pergigian termasuk kesihatan pergigian awam, Periodontik, Prosthodontik, Endodontik dan perubatan mulut.

Juga diadakan bersempena konvensyen tersebut ialah Pameran Perdagangan Pergigian yang mempamerkan inovatif produk pergigian daripada beberapa kumpulan perdagangan pergigian yang diadakan di ruang legar hotel berkenaan.

Konvensyen tersebut antaranya bertujuan untuk mengongsikan maklumat terkini terutama pengetahuan yang berkaitan dengan kemajuan dalam penjagaan gigi.



MENTERI Kesihatan merasmikan Persekutuan Pergigian Antarabangsa Ke-6 / Konvensyen Pergigian dan Pameran Perdagangan Pergigian yang berlangsung di The Empire Hotel and Country Club.

Beri perhatian kepada kesihatan mulut

JERUDONG, Ahad, 24 November. - Kesihatan mulut merupakan sebahagian penting dalam asas kesihatan yang mempunyai kesan langsung kepada kehidupan individu, masyarakat dan negara.

Malah, penyakit mulut seperti kavititi gigi, penyakit gusi dan kehilangan gigi dianggap sebagai salah satu masalah kesihatan mulut yang biasa di seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof berucap demikian pada Majlis Perasmian Konvensyen Pergigian dan Pameran Perdagangan Pergigian Persekutuan Pergigian Antarabangsa (FDI) / Kementerian Kesihatan Ke-6 yang berlangsung di The Empire Hotel and Country Club, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, ianya diklasifikasikan sebagai penyakit tidak berjangkit atau NCD, penyakit mulut boleh memberi kesan kepada kesejahteraan dan kualiti hidup seseorang.

"Buktinya sudah dikenal pasti, di mana kesihatan seseorang boleh menjejaskan kesihatan gigi seseorang dan begitu juga dengan sebaliknya," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization - WHO), melalui penekanan Program Kesihatan Oral untuk menggabungkan strategi dasar-dasar kesihatan mulut dalam mempromosikan kesihatan mulut, mencegah penyakit mulut dan kawalan berkesan bagi risiko kepada kesihatan mulut dengan program-program kesihatan kepada masyarakat dan di peringkat kebangsaan.

Strategi tersebut, katanya, perlu berasaskan kepada pendekatan yang memberi tumpuan kepada risiko perubahan tingkah laku yang berkaitan dengan NCD seperti memakan secara sihat, pemakanan yang baik, bukan penggunaan tembakau dan kebersihan mulut sendiri.

"Menyedari pentingnya kesihatan mulut, Kementerian Kesihatan menyokong penuh pelaksanaan Agenda Kesihatan Mulut 2008-2012.

Ianya merupakan rancangan strategik lima tahun Jabatan Perkhidmatan Pergigian yang digubal untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan penduduk negara ini dengan meningkatkan status kesihatan mulut mereka dan mengurangkan beban penyakit mulut, melalui tahap penyediaan berkesan, adil, berpatutan, boleh diakses, perkhidmatan penjagaan kesihatan mulut yang selamat dan mampan," ujarnya.

Sehubungan ini, Yang Berhormat juga menyarankan Jabatan Perkhidmatan Pergigian (JPP) supaya mengambil inisiatif yang positif bagi mengkaji dan menganalisis bukan sahaja terhadap pelaksanaan Agenda Kesihatan Mulut 2008-2012 tetapi yang lebih penting hasil dan kelemahan agenda berkenaan.

Dengan itu, jelasnya, Kementerian Kesihatan dapat meningkatkan lagi dan berjaya mencapai matlamat Kesihatan Mulut dalam agenda berkenaan.

Yang Berhormat menambah pelaksanaan Agenda Kesihatan Mulut 2008-2012 menunjukkan pelbagai kejayaan dalam bidang asas tertentu.

Berdasarkan data Perkhidmatan Pergigian Sekolah yang dikeluarkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JPP, jelas Yang Berhormat, mendapati sedikit peningkatan dalam peratus gigi susu bebas karies dalam kalangan pelajar enam tahun.

"Pada tahun 2012, 17.7 peratus daripada kanak-kanak sekolah yang berumur enam tahun bebas karies berbanding dengan data dari Kajian Kebangsaan Kesihatan Mulut 1999, yang melaporkan bahawa skor DMFT selama 12 tahun itu ialah 4.8.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat mencadangkan agar JPP menganalisis dan mengkaji semula secara komprehensif hasil dari objektif dan inisiatif Agenda Kesihatan Mulut 2008 - 2012 berkenaan.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof memberikan ucapan di majlis tersebut.

peningkatan, ia masih jauh ketara dari matlamat kesihatan mulut dunia WHO/FDI 2012 yang mana 80 peratus daripada kanak-kanak enam tahun bebas karies.

Oleh itu, Menteri Kesihatan menyarankan supaya melipatgandakan usaha terutamanya dalam kalangan anak-anak di usia muda dan ibu bapa mereka, di samping memberikan kesedaran tentang kepentingan kesihatan mulut serta melaksanakan pengesanan awal karies gigi dan intervensi yang berkesan dengan memupuk dan mewujudkan gaya tabiat oral yang baik di awal usia.

Menurutnya, program-program promosi kesihatan mulut dalam perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak sekolah perlu dipertingkatkan dan diperkukuhkan.

Menyentuh mengenai, Data Perkhidmatan Pergigian Sekolah pada tahun 2012, Yang Berhormat berkata, ianya menunjukkan kejayaan yang lebih baik di kalangan kanak-kanak lebih tua, khususnya purata DMFT (Decayed, Missing, Filled Permanent Teeth) dalam kalangan kanak-kanak sekolah berusia 12 tahun iaitu hanya 0.7 pada tahun 2012 dan ini jauh lebih rendah daripada data dari Kajian Kebangsaan Kesihatan Mulut 1999, yang melaporkan bahawa skor DMFT selama 12 tahun itu ialah 4.8.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat mencadangkan agar JPP menganalisis dan mengkaji semula secara komprehensif hasil dari objektif dan inisiatif Agenda Kesihatan Mulut 2008 - 2012 berkenaan.



ANTARA peserta yang menghadiri konvensyen ini yang membawa tema 'Kemajuan dalam bidang Pergigian'.

Terapi Muzik bantu pesakit gangguan psikiatri

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 November. - Terapi Muzik mula diperkenalkan di Jabatan Psikiatri pada tahun 2011 merupakan salah satu projek yang dikendalikan bersama oleh Occupational Therapy Department dan para sukarelawan daripada Kumpulan La Vida.

Ketua Jabatan Psikiatri, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Dr. Hildo Ho menyatakan perkara itu semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan Sumbangan Peralatan Terapi Muzik, berlangsung di Pusat Rehabilitasi Kiarong, di sini.

Beliau menjelaskan, Terapi Muzik adalah salah satu aktiviti yang penting kerana ramai pesakit yang mengalami gangguan psikiatri memerlukan bantuan melalui komunikasi, sosialisasi, ekspresi diri dan kemahiran mengatasi gangguan tersebut.

Jelasnya, sesi Terapi Muzik menggunakan alat-alat muzik dengan bantuan sukarelawan berbakat daripada Kumpulan La Vida melalui pendekatan yang mudah membolehkan para pesakit psikiatri meningkatkan lagi kemahiran mereka.

Selain daripada menyanyikan lagu-lagu dan bermain muzik, katanya, para pesakit psikiatri juga diberikan galakan untuk berbincang mengenai makna lirik-lirik lagu.

Pada majlis itu, wakil daripada Kumpulan Perkhidmatan Pinjaman British menyerahkan sumbangan peralatan muzik kepada Pusat Rehabilitasi berkenaan.

Terapi Muzik antara lain bertujuan mempertingkatkan lagi kemahiran para pesakit psikiatri dalam berkomunikasi, bergaul dan mengekspresi diri.



KETUA Jabatan Psikiatri, Hospital RIPAS, Dr. Hildo Ho melihat instrumen untuk muzik terapi.

Majlis Khatam memupuk jiwa lebih dekat kepada Al-Qur'an

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Disember. - Seramai 121 pelatih terdiri daripada 89 lelaki dan 32 perempuan yang telah menamatkan sesi pembelajaran agama dalam pengajian Al-Qur'an dalam pengambilan pertama, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) diraikan pada Majlis Khatam

Al-Qur'an yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.



TIMBALAN Menteri KKBS, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman hadir bersama meraikan pelatih-pelatin Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan Pertama dalam Majlis Khatam Al-Qur'an tersebut.

Turut hadir mengalu-alukan ketibaan tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof, pegawai-pegawai kanan KKBS dan KHEU serta Urus Setia PKBN.

Bagi memberkati majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dikepalai oleh tetamu kehormat diikuti dengan bacaan ayat-ayat lazim oleh para peserta khatam yang diraikan.

Selepas itu diikuti dengan bacaan tahtim oleh pelajar-pelajar Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanul Bolkiah dan Doa Khatam Al-Qur'an pula dibacakan oleh 10088, Mohamad Said Nazrul bin Haji Mohamad Salleh.

Majlis diserikan dengan Dikir Syarafil Anam dan diselajurkan dengan menabur bunga rampai, penyampaian bunga telur dan sijil kepada para peserta khatam lelaki disempurnakan oleh tetamu kehormat manakala bagi wanita pula disempurnakan oleh Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina.

Bacaan doa selamat mengakhiri majlis yang dipimpin oleh Ketua Guru



MENTERI Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menabur bunga rampai dan menyampaikan sijil kepada pelatih-pelatih lelaki yang diraikan.

Ugama PKBN, Awang Haji Abd. Afiq bin Zainuddin.

Majlis ini diadakan adalah salah satu usaha murni yang diungkayahkan oleh KKBS dalam menyerapkan kesedaran kepada para pelatih akan kepentingan agama dan Al-Qur'an dalam cara hidup seharian mereka.

Di samping itu, ia juga untuk melaksanakan Dasar Belia Brunei yang cemerlang dengan hala tuju Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah 'Negara Zikir' selain untuk memantapkan lagi kerohanian para

pelatih melalui kegiatan agama dan juga bagi memupuk jiwa para pelatih supaya lebih dekat kepada Al-Qur'an dan sunah bagi membimbing mereka ke jalan yang diredai.

Kegiatan ini juga adalah sebahagian daripada kandungan Kurikulum Jati Diri, Kenegaraan dan Keagamaan di dalam PKBN.

Para ibu bapa, penjaga, kaum keluarga para pelatih, para pegawai, penyelia dan jurulatih juga hadir dalam sama-sama memeriahkan majlis yang berkah lagi berkeabajikan tersebut.

Majlis Khatam Al-Qur'an serentak empat daerah

KUALA BELAIT, Rabu, 27 November. - Program Khatam Al-Qur'an Pelajar-pelajar Tahun 6 Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan Senegara Bagi Tahun 2013 telah ditutup dengan Majlis Khatam Al-Qur'an.

Majlis Khatam diadakan serentak di keempat-empat daerah pada tarikh akhir penggal persekolahan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Bahagian

Pendidikan Rendah, Jabatan Sekolah-Sekolah.

Program disertai 590 murid Tahun 6 daripada 120 buah sekolah rendah kerajaan seluruh negara dan setiap murid membaca satu kali khatam Al-Qur'an dan mereka dibimbing oleh guru-guru mengikut daerah masing-masing.

Di Daerah Belait, jumlah murid yang menyertai program berkenaan seramai 35 orang dari 11 buah sekolah

rendah kerajaan daripada tiga zon meliputi zon Belait lima buah sekolah dan zon Seria dan zon Liang/Lumut masing-masing tiga buah sekolah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah diketuai oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman yang diadakan di Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin, di sini.

Majlis diteruskan dengan bacaan khatam Al-Qur'an beramai-ramai dan bacaan tahtim. Doa khatam dibaca oleh Mohd. Afiq bin Alime dari Sekolah Rendah Sungai Liang manakala bacaan doa selamat oleh Ali Yusni bin Haji Buang dari Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin.

Program Khatam Qur'an julung kali dilancarkan pada tahun ini merupakan manifestasi penghayatan terhadap falsafah negara Melayu Islam Beraja sebagai sistem yang mengatur cara hidup di negara ini.

Program juga dihasratkan bagi mendukung hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah 'Negara Zikir' ke arah menuju 'Baldatun Tayyibatun



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Qur'an Bagi Murid-murid Tahun 6 Daerah Belait.

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

Warabbun Ghafur'.

Dalam masa yang sama program juga menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar rakyat di negara ini celik Al-Qur'an dan dijangka akan dijadikan sebagai program berterusan setiap tahun bagi murid-murid Tahun 6 yang akan menamatkan persekolahan rendah di negara ini dengan tujuan untuk menanamkan dan menyuburkan budaya membaca, mempelajari dan menghayati Al-Qur'an dalam kalangan murid-murid sekolah rendah bagi meraih keberkatan dari Al-Qur'an yang merupakan 'hudan linnas' (pertujuk kepada manusia).

Program diinspirasikan daripada Program Khatam Al-Qur'an 67 Kali yang dilaksanakan sebelum ini bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-67 pada tahun ini.

MAJLIS Khatam Al-Qur'an Bagi Murid-murid Tahun 6 yang menyertai Program Khatam Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.



Menteri KHEU hadiri Konferensi Antarabangsa Media Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Disember. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, berlepas meninggalkan negara bagi menghadiri Konferensi Antarabangsa Media Islam Kali Ketiga, yang akan berlangsung selama tiga hari bermula 3 hingga 5 Disember 2013 bertempat di Hotel Shangri-La, Jakarta, Republik Indonesia, di sini.

Kehadiran Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ke Konferensi Antarabangsa itu adalah atas jemputan daripada Menteri Agama Republik Indonesia, Yang Berhormat Suryadharma Ali, selaku penganjur dan tuan rumah konferensi berkenaan.

Konferensi Antarabangsa Kali Ketiga ini merupakan konferensi dwi-tahunan anjuran Kementerian Agama Republik Indonesia dengan kerjasama Rabithah Alam Islami yang berpusat di Jeddah, Arab Saudi.

Majlis Perasmian Konferensi dijangka akan dirasmikan oleh Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Haji Susilo Bambang Yudhoyono, dan diselajurkan dengan Pelancaran Buku Prosiding Konferensi Antrabangsa Media Islam Kali Kedua.

Dengan tema "Media dan Tanggungjawab Sosial", konferensi kali ini menghimpunkan hampir 400 peserta antarabangsa dan tempatan terdiri dari kalangan para Menteri, Timbalan Menteri, ahli akademik, pakar media, wartawan, pengusaha media dari 53 buah negara Islam.

Di antara mereka yang dijadualkan memberi ucapatama di persidangan itu nanti ialah Menteri Komunikasi dan Informasi Republik Indonesia, Yang Berhormat Tifatul Sembiring dan Presiden Majelis Ugama Islam Singapura, H. M. Alami Musa.

Antara lain sub-tema yang akan dibahas dalam konferensi ini adalah mengenai Media Dunia dan Dimensi Asas Nilai dan Etika, Ke Arah Wawasan Islam serta Hubungan antara Media dan Masyarakat, Media Dalam Masyarakat Islam; Prospek dan Cabaran, dan Media Dalam Dunia Islam (Contoh dan Aplikasi).

Turut sama dalam rombongan ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Junid serta beberapa orang Pegawai Kanan dari kementerian berkenaan.

Negara pesat di bawah pemerintah raja bijaksana



YANG Dipertua Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR), Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 November. - Seminar Pembangunan Negara Dalam Era Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah: Membangun Berteraskan Konsep Melayu Islam Beraja yang diadakan selama dua hari berakhir dengan Majlis penutup dan Penyampaian Sijil kepada peserta seminar.

Hadir menyempurnakan penyampaian sijil kepada para pembentang dan peserta seminar ialah Yang Dipertua Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR), Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, berlangsung di salah sebuah hotel, Gadong, di sini.

Naib Yang Dipertua PESEBAR, Dr. Awang Haji Mohd Yusop bin Haji Awang Damit yang juga selaku

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Timbalan Pengerusi Seminar berkata, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah banyak membawa kemajuan pembangunan Negara Brunei Darussalam dalam pelbagai bidang sejak baginda menaiki takhta pada tahun 1967.

Kejayaan pembangunan yang diungkayahkan sepanjang pemerintahan baginda itu, jelasnya, telah sama-sama dirasakan dan dinikmati oleh rakyat pada hari ini.

Menurutnya, di bawah pemerintahan baginda, Negara Brunei Darussalam telah berubah dari sebuah negara yang berlindung dengan sebuah kuasa asing kepada sebuah negara yang telah mencapai kemerdekaan penuh lagi berdaulat.

"Di zaman baginda juga, negara ini telah berjaya mencapai tahap kemajuan ekonomi dan sosial yang setanding dengan kemajuan di negara-negara lain di rantau ini", ujarnya.

Dalam merancang kemajuan dan pembangunan negara ini, tambahnya, baginda sentiasa menekankan akan pentingnya konsep Melayu Islam Beraja.

Konsep MIB, jelasnya, sudah terbukti mampu membawa negara ke arah keamanan, keharmonian dan kemakmuran hidup seluruh Negara Brunei Darussalam yang mana pembangunan fizikal sesebuah negara tanpa diisi unsur-unsur kerohanian yang didasari oleh pegangan agama dan budaya tempatan yang kuat, akan melahirkan satu pembangunan yang kosong dan mengundang gejala sosial yang tidak berkesudahan.

Lebih 200 peserta terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, pakar sejarah, pelajar-pelajar dan orang ramai dari dalam dan luar negara menghadiri seminar yang bertemakan 'Membangun Negara Berteraskan Konsep Melayu Islam Beraja'.

Sebanyak 11 buah kertas kerja telah dibentangkan oleh 11 orang pembentang termasuk tiga orang menteri kabinet dan lapan ahli akademik sepanjang seminar berkenaan.

Seminar anjuran Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dengan kelolaan PESEBAR ini antara lain bertujuan untuk menerokai bidang baru kajian sejarah yang berkaitan dengan sosial dan ekonomi, khususnya dalam era pemerintahan Kebawah DYMM

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang sememangnya mempunyai sumber yang banyak untuk dikaji, di samping sejarah politik yang telah pun mendapat tarikan ramai pengkaji.

Di samping itu, ianya juga dapat mendorong penyelidikan dan penemuan terbaru khususnya dalam bidang sejarah Negara Brunei Darussalam dengan menggalakkan pertukaran dan percambahan pemikiran bidang sejarah sosial dan ekonomi sejarah zaman pemerintahan Kebawah DYMM di kalangan para sarjana, pensyarah, guru-guru, penyelidik, pelajar dan para peminat bidang penyelidikan bagi memperluaskan lagi interaksi dan jaringan kerja di pelbagai peringkat institusi pendidikan di negara ini.

Seminar juga antara lain dapat memupuk kesedaran dan rasa insaf dari rentetan peristiwa yang berlaku dalam sejarah sosial dan ekonomi, sastera, budaya, adat istiadat dan undang-undang pada zaman pemerintahan Kebawah DYMM yang boleh memberikan gambaran bagaimana kerajaan baginda berunkayah dengan penuh gigih dan berkesinambungan dalam memberikan kesejahteraan kepada rakyat dan mengangkat tamadun Negara Brunei Darussalam.

Penulisan bermutu perlu merujuk pelbagai sumber



UCAPAN alu-aluan disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Perkembangan Kurikulum Awang Haji Zulkifli bin Haji Muhammad Yusof.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 November. - Bagi menceburi bidang penulisan kreatif tidak boleh dianggap sesuatu yang mudah kerana dalam menghasilkan sesebuah penulisan yang bermutu memerlukan pengetahuan dan kemahiran asas namun perkara itu dapat diatasi dengan mempelajari dan merujuk daripada pelbagai sumber sama ada melalui bahan-bahan bercetak atau media elektronik.

Perkara tersebut diungkap oleh Pemangku Penolong Pengarah I, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Zulkifli bin Haji Md. Yusof semasa Majlis Penyampaian

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Hadiah dan Penghargaan Sempena Sambutan Hari Guru Ke-23 Tahun 2013 dan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Sempena Kempen Membaca 2013 di Airport Mall, Berakas, di sini.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah tersebut ialah Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Awang Haji Kassim bin Haji Md. Yassin.

Majlis tersebut diadakan adalah untuk memberikan penghargaan kepada pelajar-pelajar yang telah memenangi Pertandingan Menulis Skrip Drama Peringkat Menengah Sempena Sambutan Hari Guru Ke-23 Tahun 2013 dan kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam membarigakan Sambutan Hari Guru tersebut.

Majlis turut diselenggarakan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada pihak-pihak penaja, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, pembekal-pembekal buku dan penerbit-penerbit buku atas penglibatan dan sumbangan dalam menjayakan kempen membaca yang dilancarkan pada 16 hari bulan lepas.

Sejurus penyampaian, majlis diserikan dengan persembahan mendeklamasikan sajak oleh tiga pelajar dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.



TETAMU Kehormat Awang Haji Kassim bin Haji Md Yassin menyampaikan sijil dan hadiah kepada johan Pertandingan Menulis Skrip Drama sempena Sambutan Hari Guru Ke-23 kepada Awang Allen Yong Wei Yuan dari SM Chung Ching dengan karya beliau "Sayang Cikgu Fatimah".

Nilai kemelayuan, keislaman terkandung dalam Karya Sastera Brunei

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Media Permata

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 November. - Karya-karya sastera Brunei di era pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus mengungkapkan nilai-nilai kemelayuan dan keislaman sebagai gambaran penghayatan dan amalan rakyat Brunei terhadap konsep Melayu Islam Beraja.

Pensyarah Universiti Brunei Darussalam (UBD), Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah menggariskan perkara tersebut ketika membentangkan kertas kerjanya bertajuk Sumbangan Sastera Dalam Memantapkan Konsep Melayu Islam Beraja: Masa lalu dan di Era Pemerintahan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di sesi keempat, Seminar Pembangunan Negara Dalam Era Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah: Membangun Berteraskan Konsep Melayu Islam Beraja berlangsung di Hotel Centrepoin, Gadong, di sini.

Profesor menjelaskan karya sastera Brunei seperti Salasilah Raja-Raja Brunei, Syair Awang Semaun dan Hukum Kanun telah pun mengungkapkan atau mendokumentasikan sejarah bangsa, menyatakan nilai kemelayuan dan keislaman yang dapat dijadikan rujukan dan menjadi latar belakang kehidupan berbangsa dan bernegara yang dengannya setiap individu

mempunyai pengalaman, kesedaran dan kecintaan yang sama kepada bangsa dan negaranya.

Dalam hal itu, beliau mengulas hasil karya sastera penulis masa lalu dan sekarang telah memberikan sumbangan dengan mengungkap nilai-nilai kemelayuan, Keislaman, taat setia kepada raja, berpegang teguh kepada ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljama'ah, perasaan setia pada negara, mendukung matlamat dan aspirasi negara, menghormati dan mematuhi perlembagaan dan undang-undang negara bagi mempertahankan dan mendaulatkan bahasa dan bangsa Melayu tersebut.

"Sumbangan yang diberikan secara tidak langsung dapat memperkukuhkan dan seterusnya melestarikan konsep Melayu Islam Beraja tersebut," ujar profesor.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Brunei, UBD dalam kertas kerjanya yang bertajuk 'Perundangan Islam Pengukuh Melayu Islam Brunei: Era Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah' antara lain menghuraikan penerapan nilai Islam dan melaksanakan ajaran Al-Qur'an sepenuhnya dalam pentadbiran dan dasar negara berjaya menegakkan agama Islam di negara ini sehingga dijadikan teras.

Islam dijadikan akar tunjang kepada Melayu Islam Beraja dan telah mampu mengangkat kehidupan dalam pelbagai aspek berpaksihan ajaran dan hukum hakam Islam menurut Ahli Sunnah Waljama'ah.

Manakala dari segi kepimpinan raja, Kebawah DYMM mentadbir negara sentiasa berlandaskan ajaran

Islam sesuai sebagai suatu cara hidup yang syumul dan landasan kepada seluruh pentadbiran negara. Baginda merupakan kuasa mutlak dalam negara dan cenderung melaksanakan pentadbiran secara Siash Syariyyah sudah menjadi kewajipan pemerintah untuk menjaga dan mempertahankan negara, melindungi rakyat dan menjaga kepentingan mereka.

"Dengan adanya pengukuhan ketiga-tiga komponen iaitu hak bangsa Melayu, penegakan agama Islam dan kuasa mutlak raja memerintah negara dengan bijaksana menjadikannya satu gabungan yang ideal dalam membentuk sebuah negara Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur," tegasnya.

Setelah 29 tahun Brunei merdeka, dengan adanya perundangan Islam mampu untuk mengatur, mentadbir, mengawal, memberi keadilan kepada rakyat negara ini secara efektif berdasarkan syariat Islam yang dianggap paling sempurna.



PENSYARAH Universiti Brunei Darussalam, Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah semasa menyampaikan kertas kerjanya.

Masyarakat Daerah Belait didedahkan kefahaman undang-undang jenayah syariah

Oleh : Noraisah Muhammed
Foto : JBD

KUALA BELAIT, Selasa, 19 November. - Daerah Belait telah mengadakan Sipsosium Majlis Ilmu sebagai satu kesinambungan sempena Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, hadir selaku tetamu kehormat majlis yang diadakan di Dewan Persidangan Kuala Belait, di sini.

Pegawai Daerah Belait selaku Pengerusi Bersama Simposium, Awang Haji Haris bin Othman dalam ucapan alu-aluannya berharap simposium dan pameran tersebut akan dapat memberi dan meningkatkan ilmu pengetahuan serta kefahaman di kalangan pelbagai lapisan masyarakat di Daerah Belait terhadap undang-undang jenayah syariah dan pelaksanaannya di negara ini.

Majlis diikuti dengan tayangan klip video mengenai Majlis Ilmu 2013, terdahulu sebelum itu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Kawasan 2 Daerah Belait, Imam Aminordin bin Mohd. Yusof.

Majlis diserikan dengan Ceramah Simposium bertajuk 'Perintah Kanun

Hukuman Jenayah 2013-Pengenalan Ringkas' dipengerusikan oleh Dato Seri Setia Awang Haji Tassim bin Haji Akim.

Isi ceramah telah menyentuh mengenai titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena sambutan Hari Keputeraan baginda, antaranya titah ketika sambutan ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-50 tahun pada 29 Safar 1417 bersamaan 15 Julai 1996, "Oleh itu, dengan rasa keimanan yang bulat terhadap peraturan dan undang-undang Allah, maka beta telah pun memperkenankan penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah sehingga ke tahap yang setinggi-tingginya, bagi menangani bukan sahaja pentadbiran undang-undang keluarga, malahan juga di ketika yang sesuai dan munasabah akan juga mengendalikan Qanun Jina'i Islam yakni Islamic Criminal Act, selengkapnya, sebagaimana yang dituntut oleh Allah Subhanahu Wata'ala".

Sementara titah Kebawah DYMM sempena Majlis Ilmu pada 17 Zulhijjah 1434 bersamaan 22 Oktober 2013, "Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana Majlis Ilmu Sempena Hari Keputeraan Beta pada kali ini diisi dengan acara-acara bersejarah, berkaitan dengan Perintah



Kanun Hukumn Jenayah Syari'ah.

Sebagaimana titah Kebawah DYMM ketika merasmikan majlis Ilmu 2013 Oktober lepas iaitu "Dengan izin Allah jua, akta perintah ini, pada hari ini, 22 Oktober 2013 mula digazetkan, dan akan mula berkuat kuasa enam bulan selepas secara berfasa. Dengan ini Alhamdulillah, pada perintah ini

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat majlis dan turut merasmikan Simposium Majlis Ilmu sebagai satu kesinambungan sempena Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun yang diadakan di Dewan Persidangan Kuala Belait.

tanggungjawab kita di hadapan Allah telah pun tertunai.

"Beta berharap, sesiapa juga yang berstatus rakyat dan penduduk Negara ini, akan sama-sama berdiri teguh dan berganding bahu dalam mendukung dan mengalu-alukan kelahiran Akta yang bersejarah ini. Tidak diragukan lagi, ia adalah sebahagian dari "sejarah besar" kita dan negara.", titah baginda.

Adapun Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam tiga fasa iaitu ada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pada Fasa Pertama, setelah enam (6) bulan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 diwartakan; Peruntukan-peruntukan yang akan dikuatkuasakan ialah semua kesalahan am dalam Bahagian IV Penggal IV, kecuali kesalahan-kesalahan yang membawa kepada hukuman mati atau sebatan di bawah penggal ini.

Manakala Fasa Kedua, setelah dua belas (12) bulan dari tarikh Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah diwartakan; Peruntukan-peruntukan yang akan dikuatkuasakan termasuk kesalahan-kesalahan di dalam Bahagian IV Penggal I, II dan III yang boleh dikenakan hukuman hadd, qisas, diyat, arsy dan badal al-sluhi kecuali kesalahan yang membawa kepada hukuman mati.

Fasa Ketiga, setelah dua puluh empat (24) bulan dari tarikh Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah diwartakan; Perintah Kanun Hukumn Jenayah Syariah, 2013 dikuatkuasakan sepenuhnya termasuk pelaksanaan hukuman mati.

Penggugubalan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 adalah berdasarkan kepada Al-Qur'an dan Al-Sunnah sebagai rujukan utama, selain itu penggubalannya juga berpanduan kepada ijma', qisas dan juga kaedah-kaedah Usul Fiqh yang lain seperti Masalih Al-Mursalah (masalalah), Saddu al-Zarai' dan

lain-lain.

Penggubalan perintah ini mengguna pakai pendapat Ahli Sunnah Waljamaah dari empat mazhab iaitu Mazhab Maliki, Mazhab Syafi'ie, Mazhab Hanafi dan Mazhab Hanbali. Walau bagaimanapun, pendpat Mazhab Syafi'ie adalah diberi keutamaan memandangkan negara kita mengikut Mazhab Syafi'ie kecuali beberapa peruntukan dalam perintah ini menurut pendapat mazhab selain daripada Mazhab Syafi'ie.

Tujuan utama pelaksanaan undang-undang jenayah syariah ini dikuatkuasakan adalah untuk mencegah jenayah dan menegakkan keadilan dan kesejahteraan rakyat dengan berteraskan kepada perintah Allah yang telah menetapkan hukuman, syarat serta kaedah pembuktian tertentu bagi menyabitkan sesuatu kesalahan.

Semua peraturan atau undang-undang dalam Islam mempunyai tujuan dan matlamat tertentu dalam menjaga lima perkara utama (maqasid syariah) iaitu penjagaan agama, penjagaan nyawa dan tubuh badan, penjagaan akal, penjagaan keturunan dan penjagaan harta.

Undang-undang jenayah syariah mempunyai maksud tersirat umpamanya untuk mendidik pesalah (ta'dib) dengan memberinya peluang untuk menyesali perbuatannya (taubat) dengan membersihkan diri daripada dosa, menggalakkan kemaafan, bertolak ansur (sulh) serta menyelamatkan pesalah dari azab akhirat.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat - Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah belait, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, pegawai-pegawai kanan kerajaan, ketua-ketua jabatan dan cawangan, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang Daerah Belait, pihak swasta, penuntut-penuntut sekolah dan jemputan khas perwakilan dari Miri, Sarawak.

Majlis Kesyukuran Sempena Ulangtahun ke-7 Penubuhan KUPU SB

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 November. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), menganjurkan Majlis Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Ketujuh penubuhannya diselenggarakan dengan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijriah 1435, bertempat di Masjid Ash-Saliheen, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ra'es KUPU SB, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan membaca Surah Yaa Siin serta Tahlil dipimpin oleh Penolong Pensyarah Fakulti Syariah, Awang Haji Azman bin Haji Kassim.

Sementara itu Doa Selamat dan Doa Khas Kesyukuran dibacakan oleh Imam Surau KUPU SB, Awang Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Haji Othman.

Acara diselenggarakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur

Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Masjid Ash-Saliheen, Awang Haji Ma'ruf bin Haji Chuchu.

Manakala Sembahyang Sunat Hajat bagi menghadapi peperiksaan diimamkan oleh Mahasiswa Sarjana Muda Perguruan Ugama Usuluddin Tahun 2 dan Doa Khas bagi menghadapi peperiksaan pula dibacakan oleh Mahasiswa Sarjana Muda Perguruan Ugama Usuluddin Tahun 3, Awangku Haji Md. Firdaus bin Pengiran Haji Rosman.

Majlis diakhiri dengan Tazkirah Sempena Menyambut Awal Tahun Hijriah 1435 disampaikan oleh Pemangku Penolong Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.



SEBAHAGIAN daripada pegawai dan kakitangan KUPU SB semasa menghadiri Majlis Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Ke-7 Penubuhan KUPU SB dan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijriah 1435 di Masjid Ash - Saliheen.

Mangsa Taufan Haiyan terus terima bantuan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BERAKAS, Selasa, 19 November. - Mangsa Taufan Haiyan di Wilayah Tacloban, Republik Filipina menerima bantuan dari Persatuan-Persatuan Perniagaan Melayu, Cina, India yang berlangsung di Ruang Legar Dewan Serbaguna Berakas, di sini.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh wakil Persatuan-Persatuan Perniagaan iaitu Ahli Majlis Mesyuarat, Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Di antara barang-barang bantuan yang diberikan sebanyak 20 ribu kotak makanan dalam tin, dua ribu botol air dan dua ribu makanan roti.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin menyatakan bantuan itu adalah untuk meringankan beban dan penderitaan yang di tanggung oleh

mangsa Taufan Haiyan di Filipina sekaligus mencerminkan keprihatinan rakyat terhadap mangsa-mangsa berkenan.

"Dengan adanya bantuan ini akan dapat memupuk kesedaran dan juga mengalkan budaya bantu-membantu di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini", jelasnya ketika ditemu bual pemberita PELITA BRUNEI.

Hadir sama, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman, Setiausaha Tetap dan Pegawai-Pegawai Kanan kementerian tersebut.

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa menerima sumbangan daripada wakil persatuan-persatuan perniagaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.



NBD prihatin mangsa Taufan Haiyan di Filipina

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 November. - Dengan titah berkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, misi bantuan kemanusiaan bagi mangsa Taufan Haiyan di Republik Filipina terus diungkayahkan dengan kerjasama-pelbagai pihak khususnya agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Kementerian Kesihatan (MOH), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) termasuk sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan dan orang ramai.

Taufan Haiyan melanda Republik Filipina pada 8 November 2013 pukul 4.40 pagi waktu tempatan juga sedikit sebanyak menjejaskan keadaan cuaca di Negara Brunei Darussalam (NBD) akibat kesan 'trail-end' dari putaran dan trek taufan yang melintasi Filipina.

Negara Brunei Darussalam mengalami hujan dan hujan berpetir sekali-sekala, berserta angin ribut dengan kelajuan angin sehingga 60 kilometer sejam.

Dikategorikan sebagai taufan Kategori 5, taufan berkenaan telah meniupkan angin selaju 250 hingga 315 kilometer sejam dan ia adalah lebih teruk daripada Taufan Bopha yang telah melanda Filipina pada bulan Disember 2012.

Berdasarkan Laporan Situasi No. 10 bertarikh 19 November 2013 keluaran AHA Centre, jumlah korban jiwa yang dicatatkan sehingga kini ialah 3,982 orang, manakala jumlah kecederaan yang direkodkan adalah sebanyak 18,266 orang.

Selain daripada itu, 10 juta penduduk terjejas dan seramai 3.9 juta orang kehilangan tempat tinggal, manakala jumlah kerugian akibat kerosakan adalah USD269.6 juta.

Taufan Haiyan juga menjejaskan Viet Nam dan China dengan meniupkan angin selaju 100 kilometer sejam.

Sebagai langkah berjaga-jaga, Kerajaan Viet Nam telah memindahkan sebanyak lebih daripada 800 ribu penduduk dari wilayah tengah dan selatan.

Menurut laporan Central Committee for Flood and Storm Control (CCFSC), Taufan Haiyan telah merosakkan lebih dari 2,600 buah rumah, mengakibatkan korban jiwa sebanyak 14 orang, mencederakan 81 orang dan merekodkan empat kes hilang.

Objektif misi bantuan kemanusiaan ialah untuk meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh mangsa Taufan Haiyan di Filipina dan mencerminkan keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, untuk memperkukuh lagi semangat ASEAN dan mempamerkan komitmen negara dalam mendukung pelaksanaan ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response (AADMER).

Manakala misi NDMC ialah mengurus dan memastikan barang-barang bantuan yang dihantar tiba dengan cepat dan efisien di kawasan-kawasan yang terjejas khususnya di Tacloban, Republik Filipina.

Bagi memastikan misi tersebut di atas dipenuhi, NDMC telah berhubung dengan pihak Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Manila, Pejabat Pertahanan Awam di Manila dan ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on Disaster Management (AHA Centre).

NDMC turut menghantar wakil untuk menyertai setiap penghantaran barang-barang bantuan, baik melalui pengangkutan udara atau laut.

Setiap wakil NDMC dilengkapi dengan kemudahan telefon satelit untuk

membolehkan mereka berhubung dengan mudah dan melaporkan perkembangan penyerahan barang-barang bantuan di sana.

KKBS telah membuka sebanyak enam buah pusat penerimaan barang-barang bantuan di seluruh negara iaitu di Dewan Serbaguna, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Berakas; Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah, Berakas; Pusat Belia, Bandar Seri Begawan; Dewan Kompleks Sukan Mumong; Dewan Kompleks Sukan Tutong dan Ruang Legar Kompleks Bumiputera Pekan Bangar.

Pusat-pusat penerimaan barang-barang bantuan di bawah jagaan KKBS dengan kerjasama para sukarelawan daripada badan-badan bukan kerajaan itu mula beroperasi dari pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang bermula 14 hingga 28 November 2013.

Sementara itu, ABDB menawarkan khidmat penghantaran barang-barang bantuan ke Republik Filipina dengan menggunakan pengangkutan udara dan laut.

Penghantaran pertama barang-barang bantuan melalui pengangkutan udara ke Tacloban dibuat pada hari Jumaat, 15 November 2013 pukul 8.30 pagi dengan menggunakan pesawat CN235.

Pesawat berkenaan selamat mendarat di Tacloban pada 16 November 2013 dan barang-barang bantuan diserahkan secara rasmi oleh Pengarah NDMC, Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Haji Rosli bin Pengiran Haji Chuchu kepada wakil Pejabat Pertahanan Awam di Tacloban.

Pada hari yang sama, penghantaran pertama barang-barang bantuan juga dibuat melalui pengangkutan laut pada pukul 10.30 pagi dengan menggunakan kapal peronda KDB Darussalam.

Seterusnya, penghantaran kedua barang-barang bantuan melalui pengangkutan udara dibuat pada 17 November 2013 dengan menggunakan pesawat

yang sama.

Pada hari yang sama kira-kira pukul 10.00 pagi, kapal peronda KDB Darussalam selamat tiba di Tacloban setelah meredah lautan selama tiga hari.

Pada 20 November 2013, Negara Brunei Darussalam membuat penghantaran ketiga barang-barang bantuan melalui pengangkutan udara yang juga menggunakan pesawat CN235.

Berbeza daripada penghantaran-penghantaran sebelumnya, penghantaran pada hari ini menyaksikan penghantaran pasukan bantuan daripada Negara Brunei Darussalam seramai empat orang (seorang dari NDMC dan tiga orang dari JBP) untuk membantu AHA Centre dalam mengagih-agihkan barang bantuan di sana.

Mereka dijangka berada di sana selama satu minggu dan akan kembali ke tanah air dengan kerjasama Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Manila.

Ahli-ahli pasukan bantuan dari Negara Brunei Darussalam ialah Awang Shabandi bin Abdul Halim (Ketua Pasukan), Penolong Pengarah Operasi, JBP, Awang Haji Mohammad bin Haji Kamis dari NDMC serta Awang Nazri bin Haji Anuar dan Awang Norsallehuddin bin Haji Md. Hussin dari JBP.

Penghantaran barang-barang bantuan dengan menggunakan pesawat CN235 dan kapal peronda KDB Darul Aman yang seterusnya adalah pada hari Jumaat, 22 November 2013.

Berdasarkan maklumat yang diterima daripada ABDB, muatan dan berat bagi pesawat CN235 adalah seperti berikut:

Penerbangan 15 November 2013 - MOH sebanyak 26 kotak 386 kilo, ABDB sebanyak 7 kotak 422 kilo dan NDMC 76 kotak 300 kilo. Jumlah berat 1,108 kilo.

Penerbangan 7 November 2013 - MOH 23 kotak 416 kilo; ABDB 15 kotak 971 kilo dan NDMC 15 kotak 151 kilo. Jumlah berat 1,534 kilo.

Penerbangan 20 November 2013 sebanyak 150 kotak 175 kilo 1,175 kilo. Jumlah berat keseluruhan 3,821 kilo.

Sementara itu, barang-barang bantuan yang dihantar ke Republik Filipina dengan menggunakan kapal peronda KDB Darussalam pada 15 November 2013 adalah seperti berikut:

MOH - Sarung tangan perubatan 131 kotak 0.7 tan; NDMC - Biskut 232 kotak 26.7 42 tan 1 tan; ABDB Compo Rations 5,000 kotak 8.75 tan, Air 500 kotak 7 tan, Cookers 175 kotak 3.3 tan dan Selimut 1,000 helai 0.04 tan.

KKBS - Pakaian 21 kotak 0.4 tan, Selimut 12 kotak 0.12 tan, Sabun/Syampu dan lain-lain 4 kotak 0.04 tan, Beras 103 goni 1 tan, Sardin 50 kotak 0.4 tan, Pop Mie 102 kotak 0.102 tan, Nestum 1 kotak 0.006 tan, Lampin 7 kotak 0.01 tan, Tuala Wanita 10 kotak 0.012 tan, Biskut 4 kotak 0.008, Indo Mee 1 1 kotak 0.044 tan dan Minuman Kotak EOS 2 kotak 0.004.

Terdahulu, sebelum misi bantuan kemanusiaan diungkayahkan, NDMC telah mengatur pembelian sejumlah beras dan air botol bernilai BND20,000 dengan kerjasama Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Manila, Pejabat Pertahanan Awam di Manila dan AHA Centre. Beras dan air botol yang dibeli telah diserahkan oleh Pemangku Penolong Pengarah NDMC, Awang Abdul Rahim bin Haji Ismail pada 15 November 2013 di perkarangan Pejabat Pertahanan Awam di Manila.

Sebagai persediaan awal

dalam menghadapi sebarang kemungkinan akibat Taufan Haiyan, NDMC telah menghantar dua orang ahli ASEAN-ERAT (Emergency Rapid Assessment Team) dari Negara Brunei Darussalam (seorang dari NDMC dan seorang dari JBP) ke Republik Filipina pada 7 dan 8 November 2013. Ahli-ahli ASEAN-ERAT dari Negara Brunei Darussalam telah ditugaskan untuk membuat penilaian cepat di kawasan-kawasan yang terjejas dan mengumpul maklumat tentang skala dan impak bencana, di samping menilai keperluan para mangsa sebagai pendukung usaha-usaha pihak National Disaster Risk Reduction and Management Council (NDRRMC).

Setakat ini misi bantuan kemanusiaan yang diungkayahkan telah berjalan dengan lancar seperti mana yang diharapkan.

Jumlah barang-barang bantuan yang diterima daripada orang ramai termasuk sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan mencerminkan keprihatinan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam kepada mangsa Taufan Haiyan.

Penghantaran pasukan bantuan seramai empat orang akan dapat membantu melicinkan lagi kerja-kerja pengagihan barang-barang bantuan yang disumbangkan oleh Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina.

Perkembangan di Republik Filipina akan terus dipantau dari semasa ke semasa melalui AHA Centre dan Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Manila.

TABUNG KEMANUSIAAN BENCANA ALAM FILIPINA

11 November 2013 - 10 Februari 2014

MENDERMALAH kepada Tabung Kemanusiaan Bencana Alam Filipina (TKBAF) melalui tabung-tabung yang disediakan atau terus kepada Urusetia TKBAF, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Kebangsaan.



Dayang Nisah terima rumah baru



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selalu tetamu kehormat semasa menyerahkan Bantuan Rumah Baru kepada Dayang Nisah binti Kula.

BERAKAS, Sabtu, 16 November. – Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kerjasama antara agensi-agensi kerajaan yang berkaitan sentiasa berusaha untuk memeduli, meringankan kesulitan dan kesusahan yang ditanggung oleh orang-orang

suah, daif dan memerlukan bantuan. Majlis Penyerahan Kunci Bantuan Rumah Baru bagi Dayang Nisah binti Kula telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei, berlangsung di

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Kampung Madang.

Sijil rumah bantuan pula diserahkan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Awang Haji Jamain bin Haji Momin.

Rumah bantuan tersebut adalah sejenis rumah banglo (konkrit) yang dianggarkan berharga BND35,000, manakala sebanyak BND5,000 bagi perbelanjaan meroboh rumah lama.

Kerja-kerja bagi membina rumah bantuan tersebut bermula pada awal bulan Julai dan telah siap sepenuhnya pada penghujung bulan September lalu yang mana rumah berkenaan mempunyai tiga buah bilik tidur, sebuah bilik tamu, sebuah ruang bilik makan, sebuah tandas, sebuah bilik mandi dan sebuah dapur.

Bantuan membina rumah baru ini adalah hasil kerjasama yang padu dan erat di antara Majlis Ugama Islam Brunei dengan Jabatan DBM yang mana penerima sekeluarga sebelum ini tinggal dirumahnya yang usang dan tidak begitu selamat untuk didiami.

Pembinaan rumah bantuan tersebut adalah melalui bantuan peruntukan Kumpulan Wang Zakat Majlis Ugama

Islam sebanyak BND40,000, manakala Jabatan DBM sebagai penyelaras dan pengurus projek pembinaan rumah bantuan tersebut.

Dayang Nisah adalah seorang janda berusia 43 tahun, tidak bekerja dan hanya menerima bantuan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat sebanyak BND380 sebulan (BND200 bagi beliau dan BND180 lagi bagi tiga orang anak beliau yang bersekolah).

Dalam temu bual bersama wakil PELITA BRUNEI, Dayang Nisah menyembahkan rasa kesyukurannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei serta agensi-agensi kerajaan lain yang berkaitan atas sumbangan bantuan yang diberikan kepada beliau sekeluarga.

Menurutnya, rumah lama sebelum ini adalah tidak selamat untuk didiami lagi, yang mana beliau tinggal di rumah tersebut lebih 10 tahun dan dengan adanya bantuan rumah tersebut, jelasnya, beliau sekeluarga kini dapat hidup selesa.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah

Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar; Pemangku Timbalan Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Datin Hajah Mahani binti Haji Musa; Ahli Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji A. Ahmad bin Husain yang juga selaku Penghulu Mukim Berakas 'A'; Penghulu Mukim Berakas 'B', Pengiran Haji Ali bin Pg Maon selaku Pemangku Ketua Kampung Madang serta pegawai-pegawai daripada Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei dan Jabatan DBM.



PENERIMA Bantuan Rumah Baru Dayang Nisah binti Kula, semasa ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.

Gotong-royong membersihkan rumah keluarga terlibat musibah kebakaran

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

MUKIM KILANAS, Jumaat, 22 November. - Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) antara lain berperanan dan mempunyai rasa tanggungjawab

dalam merancang dan mengusahakan rancangan- rancangan bagi kebajikan dan kesejahteraan penduduk mukim dan kampung masing-masing.

Sehubungan dengan itu, Majlis Perundingan Kampung Bunut Perpindahan, Mukim Kilanas mengadakan Aktiviti Amal Gotong-royong Kempen Kebersihan bagi membersihkan bekas rumah kepunyaan Dayang Hajah Norsalam binti Taha, yang terlibat dalam musibah kebakaran pada 2

November yang lalu di Kampung Bunut Perpindahan, Jalan Haji Halus, di sini.

Aktiviti kempen tersebut diunggayahkan secara bersepadu dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin.

Beliau kemudian menyampaikan sumbangan derma sebanyak BND500 kepada Dayang Hajah Norsalam hasil dari Tabung Amal JDBM.

Turut menyampaikan sumbangan derma bagi sama-sama membantu meringankan beban keluarga tersebut ialah Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Awang Haji Adanan bin Haji Salleh, melalui hasil kutipan penduduk-penduduk kampung berkenaan.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim yang juga merupakan Ketua Kampung Putat, Mukim Lumapas; Penghulu `Mukim Kilanas, Awang Haji Abdullah bin Haji Halus serta ketua-ketua kampung di bawah Mukim Kilanas.

PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin menyampaikan sumbangan derma sebanyak kepada Dayang Hajah Norsalam binti Taha (atas) manakala gambar bawah penduduk Kampung Bunut Perpindahan mengadakan aktiviti amal gotong-royong.



Keluarga mangsa kebakaran terima sumbangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 November. - Kumpulan Anak-Anak Muda Kampung Bunut Asal (KAMKBA) semalam menyampaikan sumbangan derma serta-merta kepada keluarga mangsa kebakaran sebuah rumah di kampung tersebut yang terjadi pada petang, 2 November 2013 lepas.

Majlis Penyampaian Sumbangan Derma tersebut disempurnakan oleh wakil kumpulan berkenaan, Awang Haji Yunus bin Haji Momin, berlangsung di kawasan berdekatan tapak rumah mangsa kebakaran tersebut di Jalan Haji Halus, Kampung Bunut Perpindahan, di sini.

Menurut anak mangsa, Awang Haji Kifli bin Haji Omar, 53 tahun, kebakaran itu memusnahkan keseluruhan tingkat satu (sebuah rumah kayu

dan konkrit) yang didiami oleh beberapa ahli keluarga berkenaan.

Dengan adanya bantuan tersebut diharapkan dapat meringankan beban yang ditanggung oleh ahli keluarga mangsa kebakaran tersebut.

Derma tersebut merupakan keprihatinan dan usaha berterusan KAMKBA untuk membantu mangsa kebakaran sekali gus menyokong usaha Majlis Perundingan Mukim (MPM) melaksanakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah para penduduk sekitarnya serta ahli-ahli KAMKBA.

Untuk memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh seorang ahli keluarga mangsa kebakaran berkenaan.

PGGMB sumbang derma BND18,600 kepada 13 ahli

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 November. - Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), hari ini, menyumbangkan sejumlah BND18,600 derma suka dan duka kepada 13 ahli persekutuan itu.

Derma kebajikan ini merupakan sumbangan kepada ahli-ahli yang berhak menerima bagi membantu mereka dalam keadaan suka dan duka, seperti kematian ahli keluarga atau sempena perkahwinan anak ahli.

Derma disampaikan oleh Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Antin bin Ahad dan Timbalan Yang Dipertua PGGMB, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat pada Majlis Penyampaian Derma Kebajikan yang diadakan di Bangunan PGGMB, di ibu negara.

PGGMB memperuntukkan sejumlah kewangan yang besar bagi membantu hal ehwal kebajikan setiap ahli, selaras dengan kehendak Perlembagaan 1952 PGGMB, di bawah peruntukan Undang-Undang Syarikat Jimat Cermat Kebajikan dan Bantu Membantu (SKS & BN) yang mana setiap ahli berhak memohon Derma Kebajikan (Welfare Benefits) sekali dalam seumur hidup sewaktu menjadi ahli kepada persekutuan tersebut.

Ke arah itu PGGMB meneruskan perlaksanaan undang-undang ini hingga ke hari ini dan dianggarkan sudah menyumbang lebih BND30 juta, khusus bagi bantuan derma kebajikan kepada ahli-ahli persekutuan itu.

Di bawah peruntukan undang-undang yang sama, PGGMB juga memperuntukkan sejumlah kewangan besar yang dikhususkan bagi skim pinjaman kewangan kepada ahli-ahli.

Sejak awal tahun 50-an, PGGMB dianggarkan sudah mengeluarkan lebih BND100 juta pinjaman kepada ahli-ahli bagi keperluan sosial dan ekonomi.

Selaras dengan matlamat awal penubuhannya, PGGMB akan terus memberi keutamaan kepada hal ehwal kebajikan ahli-ahlinya, di samping meninggikan taraf hidup dan meningkatkan imej kaum guru dan iktis peruruan di negara ini.

Menanam budaya membaca Al-Qur'an

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 November. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Pendidikan Rendah buat julung kalinya pada tahun ini melancarkan Program Khatam Al-Qur'an Bagi Pelajar-Pelajar Tahun Enam.

Acara penutup bagi program tersebut ialah Majlis Khatam Al-Qur'an Pelajar-Pelajar Tahun Enam Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan Tahun 2013 Masihi/1435 Hijriah yang diadakan di keempat-empat daerah secara serentak.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, seramai 420 pelajar Tahun Enam lelaki dan perempuan menyertai Majlis Khatam Al-Qur'an yang berlangsung di Dewan Sukma Indera, Sekolah Rendah Rimba II, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji

Yusoff bin Haji Ismail yang juga mengetuai bacaan Surah Al Faatihah.

Doa khatam dibacakan oleh Awang Ahmad Riduan Azawani bin Zainal dari Sekolah Rendah Bendahara Sakam, Bunut, manakala bacaan doa selamat dikepalai oleh Awang Mohd. Fahmi Izzuddin bin Mudim Haji Tamim, pelajar dari Sekolah Rendah Rimba I.

Program yang penuh dengan keberkatan ini merupakan manifestasi penghayatan terhadap falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai sistem yang mengatur cara hidup sekali gus dihasratkan agar rakyat di Negara Brunei Darussalam celik Al-Qur'an.

Ia akan dijadikan sebagai program berterusan setiap tahun bagi pelajar-pelajar Tahun Enam yang akan menamatkan persekolahan rendah di negara ini.

Program ini disasarkan kepada 120 buah sekolah rendah kerajaan seluruh negara melibatkan seramai 590 peserta yang mana setiap murid yang terpilih mengkhataam Al-Qur'an dengan dibimbing oleh guru-guru sekolah mengikut daerah masing-masing.

Tujuan utama program ini ialah untuk menanamkan dan menyuburkan budaya membaca, mempelajari dan menghayati Al-Qur'an dalam kalangan para pelajar sekolah rendah bagi meraih keberkatan dari Al-Qur'an yang merupakan 'hudan linnas' (petunjuk kepada manusia).

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menggalakkan pelajar-pelajar berusaha supaya mengkhataam Al-Qur'an sebaik sahaja mereka menamatkan persekolahan rendah.

TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail menabur bunga rampai kepada murid-murid Tahun Enam yang diraikan pada Majlis Khatam Al-Qur'an tersebut yang dilangsungkan di Sekolah Rendah Rimba II.



Pelajar Tahun Enam diraikan pada Majlis Khatam Al-Qur'an



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim semasa hadir di Majlis Khatam Al-Qur'an Bagi Pelajar Tahun 6 Daerah Tutong.

Berita dan Foto :
Aryentty Haji Ariffin

TUTONG, Rabu, 27 November. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Pendidikan Rendah, Jabatan Sekolah-Sekolah buat julung kalinya melancarkan Program Khatam Al-Qur'an untuk pelajar-pelajar Tahun Enam tahun ini yang mana di akhir program para pelajar yang terlibat diraikan dalam Majlis Khatam Al-Qur'an sebagai acara penutup bagi program berkenaan.

Majlis Khatam Al-Qur'an berkenaan diadakan di keempat-empat daerah secara serentak hari ini.

Bagi Daerah Tutong, majlis tersebut diadakan di Dewan Sekolah Rendah Keriam Tutong I, disertai oleh seramai 90 orang pelajar lelaki dan perempuan terdiri daripada pelajar Tahun Enam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Doa khatam dibacakan oleh pelajar Tahun Lima, Awang Muhammad Nur Hisyam bin Hamidun dari Sekolah Rendah Tumpuan Telisai, Tutong, manakala bacaan doa selamat

'Allah Peliharakan Sultan' dikepalai oleh pelajar dari Sekolah Rendah Pengiran Kesuma Negara Bukit Beruang, Awang Muhammad Norazlan bin Amit.

Program yang penuh keberkatan ini merupakan manifestasi penghayatan terhadap Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai sistem yang mengatur cara hidup di negara ini dan dihasratkan bagi mendukung hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam ini sebuah 'Negara Zikir' ke arah menuju 'Baldatun Taiyyibatun Warabbun Ghafur'.

Pada masa yang sama, program ini diunkayahkan bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar rakyat di negara ini celik Al-Qur'an.

Program ini diinspirasikan daripada program Khatam Al-Qur'an 67 Kali yang dilaksanakan sebelum ini bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-67, tahun ini.

Program ini akan dijadikan sebagai program berterusan setiap tahun bagi pelajar-pelajar Tahun Enam yang akan menamatkan persekolahan rendah di negara ini.

Antara objektif ianya diadakan adalah untuk menanamkan dan menyuburkan budaya membaca, mempelajari dan menghayati Al-Qur'an dalam kalangan para pelajar sekolah rendah bagi meraih keberkatan dari Al-Qur'an yang merupakan 'hudan linnas' (petunjuk kepada manusia) selain untuk menggalakkan pelajar-pelajar berusaha supaya mengkhataamkan bacaan Al-Qur'an sebaik-baik sahaja mereka menamatkan persekolahan rendah.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Awang Haji Kassim bin Haji Md. Yassin dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan.



PELAJAR-PELAJAR Tahun 6 Daerah Tutong yang diraikan di Majlis Khatam Al-Qur'an di Dewan Sekolah Rendah Keriam Tutong I.

Pelajar Tahun Enam Daerah Temburong sertai Khatam Al-Qur'an

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

TEMBURONG, Rabu, 27 November. - Seramai 43 pelajar Tahun Enam (lelaki dan perempuan) Sekolah-Sekolah Rendah Temburong, pagi tadi, menyertai Majlis Khatam Al-Qur'an Bagi Program Khatam Al Qur'an Pelajar-Pelajar Tahun Enam Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan Senegara Tahun 2013, berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Rataie, di sini.

Program yang julung kali diadakan oleh Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Pendidikan Rendah, Jabatan Sekolah-Sekolah ini dihadiri oleh Ketua Pengarah Pendidikan, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin, selaku tetamu kehormat.

Doa khatam dibacakan oleh Awang Mohammad Wafiq bin Haji Mohammad Nordin dari Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar, manakala doa selamat dikepalai oleh Awang Mohammad Zahierul Hafiz bin Hamdan, pelajar Sekolah Rendah Negalang.

Program merupakan manifestasi penghayatan terhadap falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai sistem yang mengatur cara hidup di negara ini.

Ia juga bagi mendukung hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah 'Negara Zikir' ke arah menuju 'Baldatun Taiyyibatun Warabbun Ghafur', di samping menyahut titah baginda agar rakyat di negara ini celik Al-Qur'an.

Program ini juga diinspirasikan daripada Program Khatam Al-Qur'an 67 Kali yang dilaksanakan bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-67 Tahun.

Selain itu ia juga bertujuan menyuntik semangat pihak sekolah agar menyediakan inisiatif yang menyokong ke arah 'Negara Zikir'.

PROGRAM yang penuh keberkatan ini merupakan manifestasi penghayatan terhadap Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai sistem yang mengatur cara hidup di negara ini dan dihasratkan bagi mendukung hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam ini sebuah 'Negara Zikir' ke arah menuju 'Baldatun Taiyyibatun Warabbun Ghafur'.

Pada masa yang sama, program ini diunkayahkan bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar rakyat di negara ini celik Al-Qur'an.

Industri manik perlu berdaya maju

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 November. - Manik dan proses pembuatannya di Kepulauan Borneo tentunya merupakan 'intangible cultural heritage' yang perlu dipelihara.

Walau bagaimanapun, untuk memastikan survivalnya, industri manik perlu mampan dan berdaya maju dari segi ekonomi.

Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman menyatakan perkara itu semasa merasmikan Pameran Manik Se-Borneo dan Seminar Temuan Arkeologi, Linguistik,

Sejarah dan Budaya Se-Borneo, berlangsung di Galeri Seni, Dermaga Diraja BSB, di sini.

Menurut Yang Mulia Datin Paduka, manik merupakan salah satu bahan yang terawal dihasilkan oleh kreativiti manusia dan telah diperdagangkan seawal 6,000 tahun yang lalu.

Di Borneo, jelasnya, manik adalah sesuatu yang lumrah ditemui di tapak-tapak arkeologi dan penggunaan manik berterusan sehingga sekarang.

Bagi puak-puak etnik Borneo, jelas Yang Mulia Datin Paduka, manik adalah lambang identiti mereka dan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

sebahagiannya masih dipusakai dan diwarisi dari satu keturunan ke satu turunan yang lain yang mana kewujudan manik dalam kalangan pelbagai kumpulan etnik di Borneo adalah satu lagi bukti dan manifestasi persamaan di antara puak-puak etnik di Pulau Borneo.

Pemilihan Negara Brunei Darussalam dalam pameran tersebut ujar, Yang Mulia Datin Paduka adalah satu penghormatan pada negara dan yang menariknya ia dikendalikan secara kerjasama dengan muzium-muzium utama di Kepulauan Borneo.

Menurut Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Brunei, Sabah, Kalimantan Barat, Kalimantan Timur, Kalimantan Tengah dan Kalimantan Selatan mempunyai banyak persamaan iaitu

PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Hajah Adina binti Othman semasa merasmikan Pameran Manik Se-Borneo dan Seminar Temuan Arkeologi, Linguistik, Sejarah dan Budaya Se-Borneo, di Galeri Seni, Dermaga Diraja BSB.

dari sudut geografi, sosiobudaya dan sudut sejarah.

Usaha Jabatan Muzium-Muzium Brunei (JMB) dalam menjemput pengiat-pengiat dan peniaga-peniaga dalam pameran kali ini, jelasnya, juga turut diberi pujian dalam menggalakkan kreativiti dan perdagangan dalam kalangan masyarakat Brunei.

Pameran Manik Se-Borneo akan berlangsung selama tiga bulan bagi kunjungan orang ramai bermula 26 November 2013 hingga 25 Februari 2014, bertempat di Galeri Seni, Dermaga Diraja BSB.

Sebanyak 225 bahan manik pelbagai jenis dan warna dipamerkan sempena pameran ini dan melibatkan JMB (131 bahan manik), Muzium Negeri Sarawak (enam bahan), Muzium Negeri Sabah (enam bahan), Muzium Kalimantan Barat (19 bahan), Muzium Belangan Kalimantan Tengah (21 bahan), Muzium Mulawarman Kalimantan Timur (22 bahan) dan Muzium Lambung Mangkurat Kalimantan Selatan (enam bahan).



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman selaku tetamu kehormat majlis semasa merasmikan Pameran Manik Se-Borneo dan Seminar Temuan Arkeologi, Linguistik, Sejarah dan Budaya Se-Borneo, di Galeri Seni, Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan.

Pengunjung akan dapat mengetahui mengenai sejarah dan asal usul manik serta kepelbagaian kegunaannya dan bagaimana manik-manik ini menjadi simbol status etnik-etnik di Kepulauan Borneo.

Pameran Manik Se-Borneo bermula di Pontianak (2010), Muzium Sarawak (2011) diikuti di Muzium Lambung Mangkurat (2012) dan tahun ini ia diadakan di Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun 2014, pameran ini akan diadakan di Muzium

Mulawarman dan akan berakhir dalam tahun 2016 setelah dipamerkan di Sabah dan Muzium Belanga, Kalimantan Tengah.

Pameran akan dibuka bagi kunjungan orang ramai bermula pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada setiap hari Ahad hingga Khamis, manakala pada hari Jumaat ia dibuka pada pukul 9.00 - 11.30 pagi dan 2.30 petang hingga 5.00 petang dan pada hari Sabtu dibuka mulai pukul 9.45 pagi hingga 5.00 petang.

Usahawan muda ikuti Ceramah Petumbuhan dan Inovasi

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Sulaina Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 20 November. - Suruhanjaya Tinggi British dengan kerjasama iCentre mengadakan Ceramah Petumbuhan dan Inovasi, bertempat di Auditorium, iCentre Anggerek Desa, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Juga hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama David Campbell, ahli-ahli Forum Perniagaan Britain-Brunei serta pegawai-pegawai peringkat tinggi.

Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini, dalam ucapan alu-aluannya melahirkan rasa gembira kerana seorang penceramah, Caroline Plumb berada di Negara Brunei Darussalam untuk siri ceramah dan sesi mentor

dengan beberapa usahawan tunas muda di negara ini.

Menurut Tuan Yang Terutama, Caroline Plumb memang mengetahui kedua-dua cabaran dan kepuasan bermula daripada penubuhan syarikat-syarikat yang memenangi anugerah pada usia muda.

Beliau juga salah seorang duta perniagaan global United Kingdom yang berminat dengan menggunakan teknologi untuk memacu dalam membuat keputusan perniagaan, jelas TYT.

Caroline Plumb memperkenalkan perniagaannya, 'FreshMinds', membicarakan tentang 'lean start up approach' dalam kedua-dua perniagaan baru dan yang telah ditubuhkan.

Persekitaran pasaran masa depan membuat Caroline mengambil keputusan untuk memberi tumpuan kepada data yang besar, analisis ramalan dan bagaimana faktor-faktor ini memberi kesan dan mewujudkan peluang perniagaan.

Penceramah juga berkongsi mengenai dengan 'teknologi-teknologi gangguan' (disruptive technologies) yang mewujudkan peluang yang besar untuk perniagaan mengukuhkan hubungan dengan pelanggan mereka.

Dengan menggunakan contoh-contoh kerja sebelumnya Caroline juga membincangkan bagaimana sektor-sektor tertentu boleh mendapatkan manfaat dengan mengeksploitasi pendekatan ini.

FresMinds adalah perunding pertumbuhan dan inovasi yang ditubuhkan pada tahun 2000.

Ia bekerja melalui perkongsian dengan jenama-jenama terkemuka global, membantu ke arah pertumbuhan dan inovasi di dunia yang mana persaingan adalah sengit dan digital mengganggu (digital disrupted) segalanya.

FreshMinds bekerja menggunakan pendekatan tangkas dan teknik-teknik 'growth-hacking' Lembah Silikon untuk membolehkan mereka membuka pasaran baru, selain cepat mencadangkan pembangunan produk dan merangka strategi komunikasi pasaran berkesan yang cepat memacu pertumbuhan.

Peserta Bengkel Mempromosi Konsep 3K terima sijil

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Hj Mohd Ali semasa menyampaikan ucapan di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Bengkel Mempromosi Konsep 3K Di Dalam Pengurusan Premis Makanan.

TUTONG, Khamis, 5 Disember - Penerapan aspek 3K melalui Bengkel Mempromosi Konsep 3K Di Dalam Pengurusan Premis Makanan yang telah diadakan akan dapat meningkatkan prestasi setiap premis dalam sesi pengredan yang akan diadakan pada awal tahun 2014 dan mendapat gred yang lebih tinggi.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali semasa berucap selaku tetamu kehormat di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Bengkel Mempromosi Konsep 3K Di Dalam Pengurusan Premis Makanan, berharap bengkel berkenaan akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan khususnya Premis- premis Makanan di Daerah Tutong sesuai dan setimpal dengan usaha yang telah diberikan bagi memberikan pulangan yang setimpal dalam pendapatan perniagaan masing-masing.

"Sebanyak 70 buah premis / restoran telah menyertai bengkel selama 3 hari yang bermula pada 2 Disember 2013 hingga 4 Disember 2013 yang dimulakan dengan sesi

muzakarah Pegawai Daerah Tutong bersama dengan pemilik-pemilik premis makanan bagi menerangkan dengan lebih jelas dan telus (transparent) berhubung tujuan bengkel dan kebaikan-kebaikan yang akan diperolehi bersama selain daripada membincangkan berhubung dengan syarat-syarat yang terkandung dalam Lesen Rampaian," tambahnya pada majlis yang berlangsung di Dewan Utama, Dewan Kemasyarakatan, Tutong, di sini.

"Melihat kepada statistik gred yang dicapai oleh premis-premis Makanan yang dinilai di Daerah Tutong bagi tahun 2012, hanya satu restoran sahaja yang mencapai Gred A dan tiga restoran mendapat Gred B dan selebihnya mendapat Gred C dan Gred D," terangnya.

Beliau percaya bengkel ini akan mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan dan akan dapat melihat hasilnya apabila proses pengredan dilaksanakan nanti.

"Bengkel ini juga diharap akan dapat memupuk rasa tanggungjawab kepada pemilik dan pengurus premis makanan di daerah Tutong berhubung aspek 3K yang dinyatakan yang mana merupakan teras dan aspek utama yang perlu diambil perhatian dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai di mana aspek-aspek ini jua adalah antara perkara yang telah ditentukan dalam proses pemberian gred kepada premis-premis makanan," terang beliau lagi.

Di majlis ini, tetamu kehormat juga menyampaikan sijil penyertaan kepada seramai 170 orang peserta terdiri daripada pemilik dan pengurus premis makanan di daerah ini.



CERAMAH Petumbuhan dan Inovasi dan dialog mengenai memulakan perniagaan disampaikan oleh bekas penerima Anugerah UK Entrepreneur Of the Year, Caroline Plumb di Auditorium, iCentre Anggerek Desa, Berakas yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Tinggi British dengan kerjasama iCentre.

Bantuan bagi para mangsa Taufan Haiyan terus mencurah

Berita: Dk. Siti Redzaimi Pg. Hj Ahmad
Foto: Hj Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 November. – Bantuan dan sumbangan daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bagi mangsa Taufan Haiyan di Republik Filipina sangat menggalakkan yang mencerminkan keprihatinan terhadap mangsa-mangsa yang terlibat.

Sehubungan itu, majlis penyampaian sumbangan berupa makanan dan minuman telah diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menerima kesemua sumbangan-

sumbangan tersebut ialah Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Hajah Adina binti Othman.

Penyumbang pertama adalah daripada Boustead Sendirian Berhad berupa 400 katon Maggi dan 100 kotak biskut yang disampaikan oleh Pengarah Urusannya, Dato Paduka Lim Beng Thai.

Penyumbang kedua adalah OKKH and Trading Compang yang menyumbangkan 100 kotak air mineral, 600 katon minuman 'RTD' (Ready-To-Drink) dengan tujuh perasa iaitu Ros, Limau, Durian Salat, Oren, Mangga dan Asamboi, 62 kotak

makanan dalam tin dan 20 kotak sardin.

Sumbangan-sumbangan tersebut disampaikan oleh –Ahli Ahli Lembaga Pengarah syarikat berkenaan iaitu Gilbert Ong Ang Eng, Wira Tomo bin Orang Kaya Kaya Haji Nordin dan Dexter.

Diharap dengan adanya kesemua sumbangan ini, ianya akan dapat membantu meringankan lagi beban yang menimpa para mangsa Taufan Haiyan di Republik Filipina.

PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Hajah Adina binti Othman ketika menerima sumbangan daripada Awang Gillbert Ong Ping Eng dan Awang Wira Tomo bin Orang Kaya Kaya Haji Nordin, yang mewakili Syarikat HN Trading Company berupa air mineral, air RTD pelbagai perisa dan makanan tin.



NBD terus hantar Misi Bantuan Kemanusiaan ke Filipina



PARA anggota Tentera Udara Diraja Brunei dan petugas dari Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) memunggah naik barang-barang keperluan sumbangan Kerajaan Negara Brunei Darussalam (kiri) dan antara barangan sumbangan yang dihantar bagi operasi kali ini ialah air mineral, Mee Segera dan Aneka Biskut Kering (atas).

Berita : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 November. - Negara Brunei Darussalam meneruskan Misi Penghantaran Bantuan Kemanusiaan bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa Taufan Haiyan di Wilayah Tacloban, Filipina.

Penghantaran bantuan menerusi pengangkutan udara dengan menggunakan pesawat CN235 Tentera Udara Diraja Brunei

(TUDB) berlepas dari Pangkalan TUDB, Kampung Rimba dengan diketuai oleh Penguasa Kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat yang juga selaku Penguatkuasa Kanan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Sallehuddin bin Haji Ibrahim.

Sumbangan dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengandungi makanan segera, air mineral dan roti.

Berada di lapangan terbang bagi

mengucapkan selamat berlepas kepada kontinjen negara ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abiddin; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dato Paduka Awang Haji Abdul Majid bin Mangarsah; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos; Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Roslan bin Haji Tajaah; Pengarah NDMC, Pengiran Dato Paduka Kolonel (B) Haji Rosli bin Pengiran Haji Chuchu berserta pegawai-pegawai kanan dari berbagai agensi kerajaan.

Misi Penghantaran Bantuan Kemanusiaan ke Filipina menerusi pengangkutan udara ini merupakan kali keempat sejak yang pertama pada 15 November lepas.

Juga berlepas meninggalkan negara dalam misi penghantaran bantuan ini ialah menerusi perjalanan laut menggunakan Kapal Peronda KDB Kelas Darussalam dari Pangkalan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Muara.

Taufan Haiyan yang melanda di beberapa wilayah di Filipina pada 8 November lepas telah menyebabkan kemusnahan ke atas beberapa wilayah terbabit yang secara langsung telah meragut banyak jiwa, kehilangan tempat tinggal, memutuskan sistem perhubungan, putusnya janakuasa, tanah runtuh dan menyebabkan para mangsa sakit dan kelaparan.

Jualan Amal bantu mangsa-mangsa Taufan Haiyan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 November. - Bagi membantu meringankan beban mangsa-mangsa Taufan Haiyan yang melanda kawasan di tengah Filipina, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AITI) mengadakan Jualan Amal untuk mengumpul dana bagi memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa berkenaan bertempat di bangunan AITI, Anggerak Desa, di sini.

Sebanyak 13 petak jualan disediakan oleh AITI yang menjual pelbagai jenis makanan, buku, pakaian, permainan serta aksesori, dan turut serta dalam jualan amal tersebut adalah ShawlByVSnowBrunei yang menjual pelbagai reka bentuk tudung.

Beberapa aktiviti juga berlangsung bagi memeriahkan lagi suasana Jualan Amal berkenaan seperti Peraduan Mewarna Kanak-Kanak, Permainan Mini Golf dan Jengga serta Tendangan Penalti di samping warga AITI juga turut menyediakan perkhidmatan menyuci kereta untuk orang ramai.

Di samping itu, AITI juga mewujudkan dana dari segi sumbangan kewangan dan barangan oleh kakitangan AITI, yang mana semua hasil itu akan disumbangkan kepada Dana Amal Taufan Haiyan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 November. - Bantuan dan sumbangan daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bagi mangsa Taufan Haiyan di Republik Filipina sangat menggalakkan dan ini menunjukkan keprihatinan kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

Pusat-pusat penerimaan bantuan telah pun banyak menerima bantuan-bantuan barang-barang berupa makanan-makanan kering, air-air botol, makanan dalam tin dan sebagainya.

Juga terlibat dalam menyelaraskan barang-barang bantuan tersebut di pusat berkenaan ialah para sukarelawan, belia-belia dan badan-badan NGOs.

Bagi memastikan segala bantuan-bantuan yang telah pun disumbangkan sampai kepada yang ditujui dengan selamat, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), selaku koordinasi misi bantuan kemanusiaan mangsa Taufan di Republik Filipina telah pun membuat satu perjumpaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bagi membincangkan data bantuan terkumpul di pusat-pusat pengumpulan logistik.

Perjumpaan juga telah membincangkan perkembangan situasi di Republik Filipina terutama sekali di Tacloban. Wakil-wakil yang hadir turut berkongsi pengalaman dan pengajaran yang diperolehi dalam sama-sama mengukayahkan misi bantuan kemanusiaan ini bagi meningkatkan lagi koordinasi dalam kalangan pelbagai agensi.



NAY PYI TAW, Sabtu, 7 Disember. - Myanmar selaku pengelola sukan berprestij dwi tahunan Sukan Asia Tenggara (SEA Game) Ke-27 mula menerima kedatangan kontinjen dari 10 negara-negara ASEAN termasuk kontinjen dari Timor-Timur.

Kejohanan edisi kali ini bakal menguji kembali keupayaan Myanmar selepas menjadi tuan rumah pada 44 tahun yang lalu setelah mengendalikannya pada tahun 1961 dan 1969. Pertemuan kali ini juga memahat sejarah tersendiri buat

Nay Pi Taw sebagai ibu negara baru bagi Myanmar.

“Secara kasarnya, kita berpuas hati dengan kemudahan yang sediakan oleh pihak penganjur di dalam Perkampungan Sukan ini terutama penginapan para atlet dan kemudahan pengangkutan,” jelas Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Haji Muhd Zamri Dato Paduka Haji Hamdani ketika ditemu bual PELITA BRUNEI di bilik Sekteriat Kontinjen Negara Brunei Darussalam, di sini.

Temasya yang bertemakan ‘Green, Clean and Friendship’ itu akan menyaksikan penyertaan lebih 6 ribu atlet termasuk 61 atlet dari Negara Brunei Darussalam yang kini mula berhimpun di Perkampungan Sukan yang menyediakan 7 Cluster penginapan.

Kontinjen negara telah ditempatkan di Cluster 5 bersama-sama dengan penginapan kontinjen dari Negara

Perkampungan atlet Sukan SEA selesa

Laporan : Samle Haji Jait

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali dari Nay Pyi Taw, Myanmar

Indonesia. Perkampungan Sukan juga dilengkapi dengan ‘Social Zone’ yang menyediakan kedai-kedai runcit, kedai cendera mata dan bank bagi memberikan kemudahan kepada semua atlet.

Menurut Haji Muhd Zamri, kemudahan pengangkutan bagi semua atlet sangat berkesan untuk membawa para atlet ke venue-venue semasa pertandingan mahupun latihan.

“Sekalipun aspek komunikasi atau bahasa ketika ini dilihat menjadi penghalang kelancaran, kita yakin pihak tuan rumah akan mengatasinya

dengan segera terutama bagi menyediakan para sukarelawan yang fasih berbahasa Inggeris,” jelasnya.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam akan menyertai 10 acara sukan termasuk Olahraga, Bola Sepak, Sepak Takraw, Wushu, Karatedo, Taekwondo, Basikal, Petanque, Sukan Cue dan Pencak Silat yang kesemuanya akan berlangsung di sini.

Sukan SEA Ke-27 akan dibuka rasmi di Stadium Wunna Theikdi pada 11 Disember ini akan mempertandingkan sebanyak 33 jenis sukan yang akan diadakan bandar Nay Pi Taw, Yangon, Mandalay, Ngwa Soung.



KETUA Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Haji Muhd Zamri Dato Paduka Haji Hamdani ketika ditemu bual PELITA BRUNEI.

Menuju SEA games: Sepak Takraw sudah bersedia

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali dari Nay Pyi Taw, Myanmar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Disember. - Pasukan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam yang giat menjalani latihan untuk

menghadapi Sukan SEA Ke-27 di Republik Kesatuan Myanmar bertekad untuk meraih kejayaan atau sekurang-kurangnya mengutip pingat.



Hasrat atlet negara dalam acara Wushu musnah

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali dari Nay Pyi Taw, Myanmar

NAY PYI TAW, Ahad, 8 Disember. - Harapan altet wushu negara, Dayang Lee Ying Shi untuk mengutip pingat buat kontinjen negara akhirnya lebur apabila beliau hanya berada di tangga ke-6 dari 9 penyertaan di hari kedua kejohanan bagi acara wushu di Sukan SEA Ke-27 yang berlangsung di Stadium Tertutup Wunna Theitdi, di sini.

Beliau yang sebelumnya melahirkan tekad untuk menyumbang pingat akhirnya hampa sekalipun telah melakukan yang terbaik bagi acara Changquan Wanita dengan mengutip 9.47 mata.

Pemenang pingat perak dua tahun lalu di Indonesia, Lee Ying Shi tampil sebagai peserta ke-6 untuk membuat persembahan namun sempat berada di kedudukan ke-3 tetapi dapat di pintas oleh tiga peserta lain iaitu dari Singapura, Indonesia dan Viet Nam.

Pingat emas dalam kategori ini dimenangi oleh atlet Viet Nam, Thi Phuong Giang Hoang dengan



ATLET wushu negara, Dayang Lee Ying Shi dalam acara wushu di Sukan SEA Ke-27 yang berlangsung di Stadium Tertutup Wunna Theitdi.

mata 9.68 diikuti pemenang pingat perak oleh Yani Ni Tan, atlet dari Singapura dengan kutipan 9.60 mata dan pingat perak dimenangi oleh atlet Indonesia menerusi Thalía Lovita Sosrodjojo dengan mata 9.59.

Manakala dalam kategori Taijijian Wanita yang turut disertai oleh Ang Guat Lian hanya mampu berada di tangga terakhir dari 8 peserta selepas atlet yang sama dari Indonesia ini sekali lagi menguasai acara tersebut selepas memenangnya kelmarin.

Kategori hari ini dan kelmarin hanya dibezakan pemakaian alat senjata dalam membuat persembahan iaitu kelmarin persembahan tanpa senjata.

Berita malap ini turut dirasakan oleh Md. Sufi Shayiran bin Roslan yang menyertai dalam kategori Nangun Lelaki apabila hanya menduduki di tangga ke-10 dengan mengutip 8.95 mata dengan atlet tuan rumah keluar sebagai pemenang menerusi Wai Phyto Aung dengan memperoleh 9.70 mata diikuti pemenang pingat perak oleh Mun Hua Ho dari Malaysia 9.68 mata dan sekali lagi atlet tuan rumah, Sow Kyaw memenangi pingat gangsa dengan mendapat 9.67 mata.

Md. Adi Sya'rani bin Roslan yang kurang mendapat perhatian para juri dalam memberikan nilai tinggi kelmarin berlaku lagi hari ini apabila beliau hanya mampu berada di tangga ke-9 setelah Achmad Hulaefi dari Indonesia memenangi pingat emas, Say Yoke Ng dari Malaysia pingat perak dan Aung Si Thu dari Myanmar keluar sebagai pemenang pingat gangsa.

Pasukan negara yang kini dalam keadaan bersedia bakal meneruskan harapan tersebut sehingga keperlawanan sebenar setelah mengharungi bermacam latihan termasuk perlawanan persahabatan di luar negara.

Pada kejohanan kali ini, pasukan negara tidak akan menyertai dalam acara regu biasa namun akan menyertai dan menumpukan perhatian kepada acara Hop Takraw dan regu ‘double’ dan ‘double’ berpasukan.

Jurulatih Kebangsaan, Ittiphol menyatakan perkara tersebut semasa ditemu ramah baru-baru ini menyentuh tentang persiapan negara.

“Pada kejohanan kali ini, pasukan negara tidak akan menyertai dalam acara regu biasa, ini memandangkan percaturan yang telah dibuat memandangkan pada kedudukan pasukan yang bakal di hadapi terlalu sukar untuk ditempuhi seperti Thailand, Myanmar, Malaysia dan Indonesia,” ujar beliau.

Namun dalam acara yang bakal disertai nanti, beliau berharap pasukan negara mampu memberi saingan untuk membawa pingat memandangkan latihan yang telah dijalani oleh pasukan negara sejak bulan Februari lalu, selain pendedahan perlawanan di luar negara.

Menyentuh persiapan pasukan negara ini, Pengurus Pasukan, Awang Haji Zaman, menerangkan bahawa persiapan berjalan dengan baik dan sebulan yang lalu mereka telah mengadakan latihan di Bangkok,



JURULATIH Sepak Takraw, Ittiphol ketika memberi pesan serta suntikan semangat kepada pasukannya bagi menghadapi kejohanan sekalipun di luar waktu latihan.

Thailand di lima daerah dengan melakukan perlawanan-perlawanan persahabatan.

Hasil dari latihan dan perlawanan persahabatan itu pasukan negara telah menampakkan peningkatan yang sangat ketara apatah lagi mereka akan menyertai dalam acara Hop Takraw, regu ‘double’ dan ‘double’ berpasukan,” terangnya.

Katanya, mereka akan memanfaatkan kesempatan ini untuk meraih sebarang pingat di kejohanan itu nanti.

Jelasnya, bagi acara ‘double’ berpasukan, pasukan negara berada di kedudukan yang baik apabila bertemu dengan Singapura, Vietnam dan Laos.

Begitu juga dalam kategori Hop Takraw, tambahnya, pasukan negara akan menghadapi empat pasukan iaitu

Thailand, Myanmar, Singapura dan Laos dan kalau dikira dari segi undian ini, terangnya, pasukan negara berada di kedudukan yang baik untuk mencapai pingat.

Untuk menanti saat pertandingan itu tiba, beliau berharap semua pemain berkeadaan sihat dan terhindar dari sebarang kecederaan.

Sebelum ini, dalam latihan pusat pasukan Sepak Takraw menjalani latihan sebanyak 6 hari seminggu iaitu pada sesi pagi dan petang dan hari Ahad, rehat.

Sebelum berangkat ke Myanmar, pasukan negara menurut Awang Haji Zaman akan mengadakan ujian dengan mengadakan perlawanan di dalam negeri sebagai persiapan terakhir.

Pesilat negara bersedia bertanding di SEA Games

Berita dan Foto :
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Disember. - Pasukan Pesilat negara yang akan bertanding di Pesta Sukan Asia Tenggara (SEA Games) Ke-27 di Republik Kesatuan Myanmar kini seratus peratus sudah bersedia sedia untuk beraksi di pesta sukan dwitahun tersebut.

Perkara tersebut diungkapkan oleh Jurulatih Kebangsaan, Suhartono ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.

Walaupun kini saat akhir menuju pertandingan, katanya, pasukan negara tetap giat melakukan persiapan dengan mengikuti rutin latihan yang sedia ada.

Terangnya, semua atlet masih lagi menjalani latihan dan kini sudah memasuki persiapan akhir dan hanya menunggu saat pertandingan, yang mana latihan sama seperti sebelumnya iaitu tiga sesi tertumpu di Kompleks Sukan Menglait Gadong.

Dalam kejohanan tersebut, katanya, pasukan negara akan menyertai Kategori Tunggal Wanita, Regu Lelaki, dan Bertanding Dalam 4 Kelas.

Dalam persiapan akhir ini terangnya adalah untuk mempertajamkan lagi kebolehan supaya keadaan fizikal pesilat-pesilatnya tidak menurun.

Tegasnya, mereka sudah siap dari segi fizikal, mental dan teknikal dan tinggal sahaja lagi keadaan di Republik Kesatuan Myanmar itu nanti.

“Mungkin yang menjadi penghalang seperti cuaca, makanan namun kami akan cuba mengatasinya selama kami berada di sana nanti,” ujar beliau.

Menyentuh tentang latihan di luar negara, beliau menyatakan bahawa pasukannya telah menjalani latihan di Republik Indonesia bersama pasukan kebangsaan Republik Indonesia di sana pada September hingga Oktober selama 25 hari dan diikuti selepas itu latihan pusat di Sungai Kebun.

Semasa latihan pusat, terang beliau, mereka telah berlatih secara maksimal dan mengkaji kekurangan dan meningkatkan kelebihan hasil dari try out mereka di Republik Indonesia yang lalu.

Beliau menjelaskan semasa latihan di luar negeri tersebut, mereka telah mendapati pasukan kebangsaan

Republik Filipina juga telah mengadakan latihan di sana termasuk Thailand sehingga memudahkan bagi mereka melihat pelbagai teknik pesilat-pesilat negara-negara berkenaan dan strategi apa yang akan beliau lakukan kemudian di SEA Game nanti.

Harapan pasukan silat negara akan melakukan satu misi yang terbaik, namun dalam acara silat ini ada beberapa faktor yang menyebabkan seseorang atlet itu menjadi pemenang dan berharap kemenangan itu akan diperolehi. Terang beliau dengan penuh harapan sekali gus menutup perbicaraan.



PASUKAN negara tetap giat melakukan persiapan dengan mengikuti rutin latihan yang sedia ada.

Kemajuan positif dicapai

Oleh: Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 Disember. - Konsultasi Pemimpin Tahunan Kali Ke-17 yang diadakan dalam suasana yang mesra dan produktif itu menandakan hubungan rapat yang baik di antara kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia.

Perkara tersebut terkandung dalam Kenyataan Bersama konsultasi berkenaan.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan mengadakan perjumpaan bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak bagi Konsultasi Pemimpin Tahunan Kali Ke-17 di Istana Nurul Iman, di sini.

Kenyataan Bersama itu menyatakan kedua-dua pemimpin menyambut baik kemajuan dalam hubungan dua hala yang baik sejak Konsultasi Pemimpin Tahunan Ke-16 yang diadakan pada 4 September 2012 dan mengesahkan komitmen antara kedua-dua buah negara dalam memperdalamkan kerjasama yang saling menguntungkan dalam bidang kepentingan bersama.

Di samping itu, para pemimpin juga mengulangi kepentingan pertukaran surat yang ditandatangani oleh Pemimpin Negara Brunei Darussalam dan Malaysia pada 16 Mac 2009 dan berpuas hati dengan mengkaji semula kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaannya.

Pemimpin kedua-dua buah negara berkenaan juga mengingatkan semula arahan pada Konsultasi Pemimpin Tahunan Ke-16 untuk meningkatkan kerjasama dalam Blok N dan Q, dalam industri hiliran, Sabah dan Sarawak dan di negara-negara ketiga.

Dalam hal ini, para pemimpin berpuas hati pada Majlis Menandatangani Perjanjian Perkongsian Pengeluaran untuk Blok N dan Q dengan serta-merta untuk memulakan kerja penerokaan antara Petroleum Brunei dan Petronas dan juga



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor di Majlis Santap di Istana Nurul Iman. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman. (Lagi berita dan gambar-gambar di muka 3).

antara perjanjian Petroleum Brunei dan Petronas yang berhubung dengan perolehan kepentingan yang mengambil bahagian Kemajuan Kerjasama Tenaga Aset-aset Utara Montney Berhad dan di Barat Laut Pasifik syal (shale) gas kepada Projek LNG di Kanada.

Selain itu, kedua-dua pemimpin mengulangi komitmen mereka untuk mengukuhkan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia, khususnya dengan negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Pemimpin melahirkan rasa puas hati dengan kemajuan yang Keningau Integrated Livestock Centre (KILC) di Sabah, dan menggesa pegawai-pegawai untuk berusaha ke arah tamatnya Perjanjian Pemegang Saham antara Annam Corporation, anak syarikat Agensi Pelaburan Brunei (Brunei Investment Agency-BIA) dan the Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA).

Kerjasama antara Sarawak dan Brunei Darussalam dalam sektor tenaga, telekomunikasi, pelancongan dan pertanian juga telah berjalan lancar, di samping menggalakkan pegawai kedua-dua belah pihak untuk meneroka peluang-peluang ekonomi baru secara komersial.

Menyentuh mengenai Jambatan Persahabatan antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia, kedua pemimpin memuji kerja keras dan dedikasi Pasukan Projek Bersama dan semua agensi penyumbang yang terlibat. Jambatan tersebut mencerminkan hubungan yang mendalam dan berkekalan di antara kedua buah negara.

Kedua-dua pemimpin berharap jambatan akan memudahkan perjalanan rentas sempadan dan mewujudkan peluang perdagangan dan pelancongan antara kedua negara dan

menantikan Majlis Menandatangani Perjanjian Mengenai Pengurusan Penyelenggaraan dan Penggunaan Jambatan Merentasi Sungai Pandaruan.

Sementara itu, kedua-dua pemimpin juga berpuas hati dengan kemajuan yang cemerlang dalam kerjasama dua hala dalam bidang perdagangan dan pelaburan, kewangan dan perbankan, tenaga, pertahanan, kesihatan, pendidikan, pelancongan, perkhidmatan udara, pengangkutan dan komunikasi selain bersetuju untuk mengekalkan bursa kerap di semua peringkat dan untuk meneruskan pengukuhan mekanisme perundingan dalam pelbagai sektor.

Perdagangan dua hala antara Negara Brunei Darussalam - Malaysia telah meningkat sebanyak 13.9 peratus pada tahun 2012 yang mana jumlah perdagangan pada 2012 bernilai USD757.1 juta.

Malaysia mengalu-alukan pelaburan modal dalam projek-projek di Malaysia terutamanya melalui pengambilalihan dan percantuman ekonomi. Malaysia berpuas hati dengan tahap pelaburan Brunei Darussalam di Malaysia khususnya melalui usaha sama dalam pelbagai bidang seperti produk infrastruktur, pertanian, minyak dan gas dan hartanah, sementara Brunei Darussalam juga mengalu-alukan perkembangan pelaburan Malaysia di Brunei Darussalam termasuk minyak dan gas, kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan.

Dalam konteks ini, kedua belah pihak berpuas hati dalam usaha yang diambil untuk meningkatkan kerjasama untuk memanfaatkan perdagangan dan peluang pelaburan dengan meningkatkan integrasi ekonomi di rantau ini dengan pembinaan Komuniti Ekonomi ASEAN.

Libatkan diri dalam kegiatan pasukan sukarelawan beruniform

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda, menyeru ibu bapa supaya menggalakkan serta mendorong anak-anak mereka melibatkan diri dalam kegiatan pasukan sukarelawan beruniform.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang juga selaku Ketua Pengakap, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) bersabda, melalui penglibatan aktif tersebut generasi muda dapat membina jati diri, akhlak serta meraih kemahiran serta pengalaman hidup di luar zon selesa masing-masing di samping menanamkan semangat kerja

berpasukan yang tinggi.

"Di sinilah institusi-institusi pendidikan berperanan untuk mengukuhkan serta memantapkan kerjasama dengan pertubuhan beruniform dalam bersama-sama meningkatkan disiplin serta jati diri dari peringkat bangku sekolah lagi," sabda Duli Yang Teramat Mulia semasa berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Penutup Rasmi Jambori Nasional Ke-4 di kawasan Pusat Latihan dan Kegiatan Pengakap Kebangsaan di Jalan Gadong, hari ini.

Hasrat utama kita adalah jelas, sabda DYT, iaitu untuk melahirkan Belia Brunei Cemerlang yang sentiasa terpacu dan berupaya memimpin belia seterusnya dengan lebih cemerlang lagi.

DYT seterusnya berharap agar PPNBD akan terus melakar sejarah kecemerlangannya serta menyumbang kepada kegiatan berpengakap yang turut menerapkan falsafah Melayu Islam Beraja

sebagai pemangkin kepada para belia untuk sentiasa berusaha memajukan diri dan menyumbang kepada pembangunan negara secara positif. Terdahulu dari itu, DYT bersabda, sebagai sebuah pertubuhan NGO dan kesukarelawanan tertua di negara ini, PPNBD telah banyak menyumbang kepada pembangunan belia dan negara.

"Inilah semangat kelestarian aktiviti berpengakap di kalangan warga sejagat, sepertimana yang termaktub dalam perlembagaan serta perundangan berpengakap yang diilhamkan oleh pengasasnya," sabda DYT.

DYT melihat kejayaan Jambori ini adalah hasil berkat usaha yang gigih serta semangat setiakawan yang ditanamkan dalam pasukan pengakap yang merupakan sebagai ciri-ciri teras dan aset bernilai tinggi dalam membina keyakinan dan keperibadian anggotanya.

Pada hemat DYT, kegiatan berpengakap adalah sangat unik kerana keanggotaannya bermula dari kanak-kanak seawal umur enam tahun, ianya juga menyediakan skim pendidikan pengakap yang progresif sehingga mereka mencapai ke peringkat belia remaja.

"Di sinilah juga keistimewaan pasukan beruniform dalam mana kelangsungan sumbangan mereka dalam persatuan adalah amat luas. Ianya juga mencabar kemampuan serta keupayaan melalui pelbagai skim dan anugerah tertentu bagi mengiktiraf sumbangan serta pencapaian masing-masing," sabda DYT.

Anugerah pencapaian seperti Link Badge, Anugerah Ketua Pengakap, dan Anugerah Pengakap Sultan, sabda DYT, adalah bertujuan untuk menghargai komitmen serta mengiktiraf sumbangan sepanjang kalangan penggiat pasukan pengakap tanah air.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus mendokong serta memberikan perhatian wajar yang menjurus kepada program - program pembangunan, kepimpinan dan kemahiran kebeliaan, khususnya NGO dan pertubuhan kesukarelawanan yang progresif dan dinamik.

DYT bersabda, ianya merupakan antara usaha dan langkah berterusan ke arah menyemai



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa berkenan mengurniakan sabda.

perpaduan dan semangat patriotisme di kalangan belia.

Dalam sabda DYT, juga merakamkan ucapan setinggi tahniah di atas pencapaian Ulang Tahun Ke-80 kegiatan berpengakap di negara ini.

JAMBATAN PERSAHABATAN KUKUHKAN PERSAHABATAN BRUNEI - MALAYSIA

دتریتکن اوله جباتن فئراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.